



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI JOHOR

SIRI 2



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI JOHOR**

SIRI 2



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR Pengurusan Pensijilan Halal
25	PEJABAT TANAH DAERAH KOTA TINGGI PEJABAT TANAH DAERAH MERSING LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA Pengurusan Pemberilikan Tanah
43	YAYASAN PELAJARAN JOHOR Pengurusan Pinjaman Pelajaran Di Yayasan Pelajaran Johor
59	PENUTUP



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
2. Jabatan Audit Negara akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Ke arah itu, satu lagi inisiatif di bawah GTP 2.0 telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara iaitu mewujudkan paparan “AG’s Dashboard” yang memaparkan status terkini tindakan yang telah diambil oleh pihak Auditi terhadap isu-isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara termasuk syor-syor yang dikemukakan sebaik sahaja Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Paparan sedemikian yang boleh diakses oleh semua pihak dapat memberi gambaran sejauh mana tindakan pembetulan atau penambahbaikan telah diambil oleh Jabatan/Agensi/Syarikat pada satu-satu masa.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 3 Jabatan dan 2 Agensi Kerajaan Negeri Johor. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Johor. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 7 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Tahun 2014 Siri 2 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Johor yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
3 Mei 2015



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

1. JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

- Pengurusan Pensijilan Halal

1.1. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan negara sebagai hab halal semua pengusaha makanan digalakkan untuk mendapatkan pensijilan halal dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Konsep Halal Dan Toyiban (bersih) mengambil kira dari segala aspek merangkumi kebersihan premis, barang yang digunakan sehinggalah penghasilan produk makanan tersebut. Unit Pengurusan Halal, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan permohonan Persijilan Halal Malaysia di Negeri Johor. Mulai tahun 2012, permohonan halal secara *on-line* iaitu e-halal telah dijalankan sepenuhnya menggantikan permohonan halal secara manual. Terdapat 8 kategori pensijilan halal di Negeri Johor iaitu kilang makanan, hotel/resort, restoran/premis makanan, rumah sembelih, farmaseutikal, kosmetik, bahan gunaan dan logistik. Bagi tahun 2012 hingga 2014, sejumlah 2,000 SPH telah dikeluarkan dan kutipan hasil yang diterima adalah berjumlah RM1.78 juta.

1.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2014 mendapati pengurusan pensijilan halal JAINJ adalah kurang memuaskan. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Bilangan pemegang SPH masih rendah berbanding dengan syarikat yang mempunyai lesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan.
- Masa yang panjang diambil untuk memproses SPH menyebabkan permohonan lewat dibawa ke Mesyuarat Panel Pengesahan Halal bagi kelulusan dan pengeluaran sijil.
- Pemantauan hanya dilaksanakan terhadap 8.8% atau 176 daripada 2,000 pemegang SPH.
- Tindakan penguatkuasaan untuk mengambil tindakan terhadap pemegang SPH yang menyalah guna logo halal masih tidak dilaksanakan.

1.3. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, adalah disyorkan supaya JAINJ mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

1.3.1. Mengkaji semula Prosedur Proses Piagam Pelanggan SPH, JAINJ dengan menyediakan norma masa yang lebih jelas dan bersesuaian untuk setiap peringkat pemprosesan agar tempoh penyelesaian permohonan SPH dapat dioptimumkan.

1.3.2. Meningkatkan pemantauan secara berkala terhadap produk perkilangan, premis makanan dan rumah sembelih bagi memastikan pengusaha mematuhi sepenuhnya

peraturan MPPHM 2011 (Semakan Kedua) dan melaksanakan operasi bersepadu bersama dengan pegawai KPDNKK bagi syarikat yang ditarik balik SPH bagi memastikan logo halal tidak disalah guna.

2. PEJABAT TANAH DAERAH KOTA TINGGI PEJABAT TANAH DAERAH MERSING LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA - Pengurusan Pemberimilikan Tanah

2.1. Pemberimilikan tanah adalah satu daripada kaedah pelupusan tanah yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) terhadap tanah Kerajaan. Mengikut Seksyen 5 Kanun Tanah Negara (KTN), beri milik bermaksud melupuskan tanah Kerajaan untuk selamanya atau satu tempoh beberapa tahun. Manakala menurut Seksyen 78(3) KTN, pemberimilikan tanah Kerajaan hendaklah berkuat kuasa apabila dokumen hak milik didaftarkan. Tanah yang diluluskan untuk pemberimilikan masih terus bertaraf tanah Kerajaan selagi hak milik tidak didaftarkan. Setiap permohonan pemberimilikan yang diluluskan oleh PBN perlu menjelaskan bayaran cukai tanah tahun pertama, premium, bayaran ukur dan bayaran pendaftaran Hak Milik Sementara dan Hak Milik Muktamad. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi (PTKT) telah menerima 2,805 permohonan pemberimilikan tanah dan 322 permohonan telah diluluskan. Pejabat Tanah Daerah Mersing (PTM) telah menerima sebanyak 1,492 permohonan dan sebanyak 628 permohonan telah diluluskan melibatkan pelbagai kategori penggunaan tanah iaitu pertanian, kediaman dan perindustrian.

2.2. Pengauditan yang dilaksanakan antara bulan September hingga Disember 2014 mendapati secara umumnya pengurusan pemberimilikan tanah adalah memuaskan dari segi urusan pembayaran notis 5A di mana ianya dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, proses pendaftaran hak milik juga dapat dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan setelah semua bayaran diterima. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang memberi kesan terhadap pengurusan pemberimilikan tanah seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut.

- Bilangan penyelesaian permohonan pemberimilikan tanah rendah.
- Kelewatan penyelesaian permohonan pemilikan tanah iaitu melebihi 4 bulan dan kelewatan pengeluaran Notis Borang 5A.
- Tanah Kerajaan diusahakan dan diduduki sebelum diberi milik.
- Perjanjian jual beli dibuat antara KEJORA dan syarikat swasta di atas tanah Kerajaan Negeri yang masih belum ditukar hak milik KEJORA.

2.3. Bagi memastikan pengurusan pemberimilikan tanah dapat dilaksanakan dengan berkesan, adalah disyorkan Pejabat Tanah Daerah dan KEJORA mengambil tindakan penambahbaikan dengan memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

2.3.1. Pejabat Tanah Daerah perlu mematuhi tempoh masa dalam proses pemberimilikan tanah dan menjalankan penguatkuasaan terhadap pencerobohan tanah Kerajaan.

2.3.2. Pejabat Tanah Daerah mengatur lawatan ke tapak bersama dengan wakil daripada Jabatan Teknikal untuk mendapatkan pandangan atau ulasan supaya proses permohonan pemberimilikan dapat disegerakan.

2.3.3. KEJORA perlu memastikan permohonan hak milik daripada Kerajaan Negeri dibuat sebelum perjanjian jual beli lot industri dan pembangunan tanah dilaksanakan.

3. YAYASAN PELAJARAN JOHOR

- Pengurusan Pinjaman Pelajaran Di Yayasan Pelajaran Johor

3.1. Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) ialah sebuah perbadanan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Johor melalui Enakmen No. 8, Tahun 1982 berperanan sebagai peneraju pembangunan sosial dalam bidang pelajaran dan pendidikan. YPJ telah memperuntukkan sejumlah RM47.98 juta bagi tempoh 2012 hingga 2014 dalam belanjawan tahunan untuk tujuan pembiayaan pinjaman pelajaran. Sepanjang tempoh 1979 hingga 2014, YPJ telah memberi pinjaman pelajaran kepada 25,950 orang pelajar yang mengikuti pengajian di dalam dan luar negara dengan kos pembiayaan sejumlah RM188.93 juta. Bagi tahun 2012 hingga 2014, seramai 3,121 orang pelajar baru telah menerima pinjaman pelajaran dengan kos pembiayaan sejumlah RM42.99 juta.

3.2. Pengauditan yang telah dijalankan mulai bulan April hingga Jun 2014 mendapati pada keseluruhannya Pengurusan Pinjaman Pelajaran di YPJ adalah baik dari segi pengurusan pembiayaan dan pembayaran kepada peminjam. Bagaimanapun beberapa kelemahan dikenal pasti untuk diberi perhatian selanjutnya seperti berikut:

- Prestasi pembiayaan pinjaman baru tidak mencapai sasaran.
- Jumlah bayaran balik pinjaman rendah berbanding tunggakan pinjaman dan jumlah tunggakan pinjaman pelajaran semakin meningkat.
- Syarat perjanjian pinjaman tidak dipatuhi sepenuhnya dan tindakan undang-undang lewat dikenakan.
- Sistem PROLIMS yang digunakan dalam pengurusan pinjaman tidak dapat menjana maklumat terkini jumlah tunggakan yang diperlukan dalam pengurusan pinjaman.

3.3. Bagi meningkatkan kecekapan pengurusan pinjaman pelajaran di YPJ dilaksanakan dengan cekap dan berkesan adalah disyorkan YPJ mengambil tindakan seperti berikut:

3.3.1. YPJ perlu mengambil tindakan proaktif mengesan peminjam bagi memungut tunggakan pinjaman dengan mendapatkan maklumat terkini peminjam melalui *Central Credit Information System (CCRIS)* dan lain-lain agensi kerajaan yang berkaitan.

3.3.2. YPJ perlu menambah baik Sistem PROLIMS bagi memastikan maklumat adalah tepat dan boleh diakses oleh peminjam supaya peminjam dapat mengetahui status terkini pinjaman masing-masing.



**AKTIVITI
JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI**

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

1. PENGURUSAN PENSIJILAN HALAL

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan negara sebagai hab halal, semua pengusaha makanan digalakkan untuk mendapatkan pensijilan halal dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Konsep Halal Dan Toyiban (bersih) mengambil kira dari segala aspek merangkumi kebersihan premis, barang yang digunakan sehinggalah penghasilan produk makanan tersebut. Jabatan Standard Malaysia (Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi Malaysia) telah mengeluarkan standard Malaysia mengenai Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian Dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum (Semakan Kedua) [MS 1500:2009] sebagai satu inisiatif bagi merealisasikan Malaysia sebagai pusat makanan halal. Manakala Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) 2011 (Semakan Kedua) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah pelengkap kepada MS 1500:2009 bagi memberi panduan seragam kepada pemegang sijil halal serta memastikan produk dan premis makanan/minuman, rumah sembelih, kosmetik, farmaseutikal dan logistik menepati kehendak syarak, produk yang berkualiti, bersih dan mematuhi prosedur yang ditetapkan.

1.1.2. Unit Pengurusan Halal, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan permohonan pensijilan halal Malaysia di Negeri Johor. Unit ini mempunyai 11 orang kakitangan dan diketuai oleh seorang Ketua Penolong Pengarah (S48) merangkumi Unit Proses, Unit Pengauditan Dan Unit Pemantauan. Antara fungsi Unit Pengurusan Halal adalah memproses permohonan sijil pengesahan halal, memantau pematuhan syarikat yang diberikan pengiktirafan halal, memberikan khidmat nasihat, penjelasan dan kempen kesedaran halal kepada agensi Kerajaan, swasta dan orang awam serta memberi bimbingan dan latihan kepada pengusaha produk halal. Mulai tahun 2012, permohonan halal secara dalam talian (*on-line*) iaitu e-halal telah dijalankan sepenuhnya menggantikan permohonan halal secara manual. Selepas permohonan diluluskan oleh JAINJ, JAKIM akan mengeluarkan Sijil Pengesahan Halal (SPH) untuk membolehkan pemohon mempamerkan SPH di premis berkenaan.

1.1.3. Terdapat 8 kategori pensijilan halal di Negeri Johor iaitu kilang makanan, hotel/resort, restoran/premis makanan, rumah sembelih, farmaseutikal, kosmetik, bahan gunaan dan logistik. Bagi tahun 2012 hingga 2014, sejumlah 2,000 SPH telah dikeluarkan bagi 8 kategori pensijilan halal dan kutipan hasil yang diterima adalah berjumlah RM1.78 juta.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan pensijilan halal telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan dan pelaksanaan pensijilan halal bagi tahun 2012 hingga 2014 berpandukan kepada MPPHM 2011 (Semakan Kedua) JAKIM, Piagam Pelanggan, Manual Kualiti JAINJ dan Prosedur Operasi Pengurusan Pensijilan Halal JAINJ. Pengauditan dijalankan dengan membuat semakan terhadap rekod dan dokumen di Unit Pengurusan Halal, JAINJ. Lawatan bersama pegawai JAINJ telah dilaksanakan di 8 daerah iaitu Johor Bahru, Kluang, Pontian, Batu Pahat, Segamat, Muar, Ledang dan Mersing melibatkan 47 pemegang SPH seperti di **Jadual 1.1**. Lawatan yang dilaksanakan bertujuan bagi mendapatkan gambaran mengenai pelaksanaan dan pemantauan terhadap penggunaan SPH oleh pemegang SPH. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga dijalankan bagi mendapatkan maklumat. *Exit conference* bersama Pengarah, Timbalan Pengarah dan pegawai-pegawai kanan JAINJ telah diadakan pada 5 April 2015.

Jadual 1.1
Senarai Sampel Lawatan Fizikal Pemegang SPH

Bil.	Jenis Industri	Bilangan Pemegang SPH
1	Kilang Makanan	28
2	Restoran/Premis Makan	8
3	Hotel	3
4	Rumah Sembelih	6
5	Farmaseutikal	1
6	Kosmetik	1
Jumlah		47

Sumber: JAINJ

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2014 mendapati pengurusan pensijilan halal JAINJ adalah kurang memuaskan. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Bilangan pemegang SPH masih rendah berbanding dengan syarikat yang mempunyai lesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan.
- Masa yang panjang diambil untuk memproses SPH menyebabkan permohonan lewat dibawa ke Mesyuarat Panel Pengesahan Halal bagi kelulusan dan pengeluaran sijil.
- Pemantauan hanya dilaksanakan terhadap 8.8% atau 176 daripada 2,000 pemegang SPH.
- Tindakan penguatkuasaan untuk mengambil tindakan terhadap pemegang SPH yang menyalah guna logo halal masih tidak dilaksanakan.

1.4.1. Prestasi Pensijilan Halal

Pensijilan halal di Negeri Johor telah dilaksanakan mengikut MPPHM 2011 (Semakan Kedua) JAKIM. Mengikut peraturan setiap pensijilan halal yang dikeluarkan akan dikenakan bayaran fi mengikut kategori antara RM100 hingga RM700. Kutipan fi pensijilan halal akan dilakukan selepas borang permohonan dan dokumen sokongan lengkap diterima dan surat caj dikeluarkan kepada pemohon. Analisis Audit mendapati perkara seperti berikut:

1.4.1.1. Permohonan SPH Dan Kutipan Hasil

Berdasarkan **Jadual 1.2** permohonan pada tahun 2012 adalah yang tertinggi berbanding dengan tahun 2013 dan 2014 kerana pada tahun tersebut merupakan tahun peralihan permohonan daripada manual kepada secara dalam talian. Selain itu, pada tahun tersebut terdapat SPH yang telah tamat tempoh dan membuat permohonan pembaharuan yang mana pembaharuan bagi syarikat dan premis makanan akan dilakukan setiap 2 tahun sekali. Semakan Audit juga mendapati kutipan hasil yang tertinggi diterima adalah pada tahun 2014 iaitu berjumlah RM749,130 iaitu peningkatan sebanyak 84.5% berbanding tahun 2013. Peningkatan ini disebabkan pada tahun 2014 permohonan banyak diterima daripada syarikat multinasional dan industri kecil sederhana yang mana fi dikenakan adalah masing-masing berjumlah RM700 dan RM400 iaitu antara fi yang tertinggi berbanding kategori lain.

Jadual 1.2
Permohonan SPH Dan Kutipan Hasil Dari Tahun 2012 Hingga 2014

Butiran	2012	2013	Penurunan		2014	Peningkatan	
			Bil.	(%)		Bil.	(%)
Bil. Permohonan Yang Diterima	824	472	(352)	(42.7)	566	94	19.9
Kutipan Hasil (RM)	552,420	432,070	(120,350)	(21.8)	797,130	365,060	84.5

Sumber: JAINJ

1.4.1.2. Pemegang SPH Berdasarkan Jenis Industri

Semakan Audit mendapati jumlah syarikat yang telah memiliki SPH semakin meningkat dari tahun 2012 hingga tahun 2014. **Jadual 1.3** menunjukkan peningkatan jumlah pemegang SPH berdasarkan jenis industri iaitu sebanyak 119 atau 20.4% bagi tahun 2013 berbanding tahun 2012 dan 10 atau 1.4% bagi tahun 2014 berbanding tahun 2013. Terdapat penurunan pemegang SPH yang ketara bagi restoran/ premis makanan bagi tahun 2014 berbanding tahun 2013 iaitu sebanyak 25 atau 20% kerana pada tahun tersebut terdapat pengusaha francais yang tidak membuat pembaharuan terhadap SPH yang telah tamat tempoh.

Jadual 1.3
Bilangan Pemegang SPH Berdasarkan Jenis Industri Dari Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Jenis Industri	2012	2013	Peningkatan/ (Penurunan)		2014	Peningkatan/ (Penurunan)		Jumlah Pemegang SPH
				Bil.	(%)		Bil.	(%)	
1	Kilang Makanan	368	466	98	26.6	514	48	10.3	1,348
2	Hotel/ Resort	40	46	6	15	44	(2)	(4.3)	130
3	Restoran/ Premis Makanan	126	125	(1)	(0.8)	100	(25)	(20)	351
4	Rumah Sembelih	15	15	-	-	13	(2)	(13.3)	43
5	Farmaseutikal	2	9	7	350	9	-	-	20
6	Kosmetik	5	7	2	40	4	(3)	(42.9)	16
7	Bahan Gunaan	28	34	6	21.4	28	(6)	(17.6)	90
8	Logistik	-	1	1	100	1	-	-	2
Jumlah		584	703	119	20.4	713	10	1.4	2,000

Sumber: JAINJ

1.4.1.3. Bilangan Pemegang SPH Masih Rendah Berbanding Dengan Bilangan Syarikat Yang Mempunyai Lesen Dengan Pihak Berkuasa Tempatan

- a. Statistik pemegang SPH mengikut jenis industri berbanding dengan syarikat yang berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi tahun 2014 seperti di **Jadual 1.4** adalah kurang memuaskan kerana hanya 13.4% atau 540 buah syarikat yang mempunyai SPH berbanding jumlah keseluruhan syarikat iaitu 4,031. Pemegang SPH yang terbesar adalah kilang makanan di mana sebanyak 377 atau 73.3% daripada 514 buah syarikat manakala pemegang SPH terendah adalah restoran/premis makanan iaitu 2.6% atau 85 daripada 3,257 buah premis makanan. Ini adalah kerana pengusaha kilang makanan mementingkan kualiti dan kebersihan makanan bagi memastikan barang/produk yang dipasarkan dapat diterima oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama. Manakala bagi pengusaha restoran/premis makanan, kebanyakan pemegang SPH adalah pengusaha yang menjalankan perniagaan secara francais yang mempunyai pelanggan yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama. Perkara ini berbeza dengan pengusaha restoran/premis makanan yang tidak memohon sijil halal kerana berpendapat mereka mempunyai pelanggan tetap yang terdiri daripada sesuatu bangsa dan agama.

Jadual 1.4
Statistik Pemilik Lesen Bagi Syarikat Oleh Pihak Berkuasa Tempatan
Berdasarkan Jenis Industri Bagi Tahun 2014

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Kilang Makanan		Hotel/ Resort		Restoran/ Premis Makanan		Rumah Sembelih		Farmaseutikal		Kosmetik		Bahan Gunaan	
		PBT	SPH	PBT	SPH	PBT	SPH	PBT	SPH	PBT	SPH	PBT	SPH	PBT	SPH
1	Majlis Bandaraya Johor Bahru	53	45	39	16	816	27	2	2	8	3	12	1	23	2
2	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	170	137	23	5	578	29	3	0	7	2	11	0	16	10
3	Majlis Perbandaran Muar	78	54	15	3	323	7	3	2	3	1	2	0	4	3
4	Majlis Perbandaran Batu Pahat	58	35	11	4	345	5	3	1	2	0	2	1	2	0
5	Majlis Perbandaran Kluang	44	30	5	1	299	6	5	3	0	0	0	0	3	1
6	Majlis Daerah Segamat	41	29	4	3	251	3	7	2	0	0	0	0	0	0
7	Majlis Daerah Pontian	40	29	11	2	228	3	9	2	1	0	0	0	1	1
8	Majlis Daerah Tangkak	16	11	7	1	207	3	0	0	2	0	2	2	2	1
9	Majlis Daerah Mersing	14	7	10	3	210	2	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		514	377	125	38	3,257	85	32	12	23	6	29	4	51	18
Peratus Pemegang SPH (%)		73.3		30.4		2.6		37.5		26.1		13.8		35.3	

Sumber: JAINJ

- b. Berdasarkan maklum balas JAINJ bertarikh 19 Mac 2015, beberapa perjumpaan bersama pihak PBT telah diadakan bagi mendapatkan persetujuan dan penyelarasan bagi menjadikan SPH sebagai syarat permohonan untuk mendapatkan lesen perniagaan dan menggalakkan setiap premis makanan memiliki SPH. Selain itu, JAINJ juga bekerjasama dengan agensi lain seperti MARA, MARDI dan Jabatan Pertanian dengan menganjurkan program kesedaran dan promosi ke arah pensijilan halal bagi peniaga di bawah bimbingan agensi berkenaan.

Pada pendapat Audit prestasi pemegang SPH adalah memuaskan kerana meningkat setiap tahun. Bagaimanapun, bilangan pemegang SPH jika dibandingkan dengan jumlah syarikat yang berdaftar dengan PBT adalah kurang memuaskan kerana hanya 13.4% atau 540 daripada 4,031 buah syarikat sahaja yang mempunyai SPH.

1.4.2. Pemprosesan SPH Mengambil Masa Yang Panjang

1.4.2.1. Sistem e-halal adalah aplikasi dalam talian yang digunakan dalam permohonan sijil halal. Setiap pemohon sijil halal akan mendaftar secara dalam talian (*online*) dengan memasukkan semua maklumat mengenai syarikat dan produk termasuk bahan mentah yang digunakan. Pemohon juga perlu mengemukakan salinan dokumen sokongan bagi mengesahkan maklumat yang dinyatakan kepada JAINJ. Pegawai JAINJ akan memastikan dokumen sokongan lengkap sebelum caj bayaran dikenakan dan pemeriksaan akan dilaksanakan setelah caj bayaran diterima daripada pemohon. Selepas pemeriksaan dilaksanakan, laporan tersebut akan dibawa ke Mesyuarat Panel Pengesahan Halal (MPPH) untuk kelulusan. Piagam Pelanggan Pensijilan Halal Malaysia

telah menetapkan tempoh 30 hari bekerja bagi kelulusan sijil pengesahan halal dari tarikh fi diterima. Bagaimanapun mulai bulan Januari 2013, sijil halal perlu dikeluarkan dalam tempoh 90 hari selepas permohonan lengkap dan bayaran fi diterima.

1.4.2.2. Semakan terhadap 118 fail permohonan mendapati pada tahun 2012 sebanyak 50 atau 92.6% daripada 54 permohonan lewat diproses antara 31 hingga melebihi 150 hari. Bagi tahun 2013 dan 2014 sebanyak 32 atau 50.0% daripada 64 permohonan telah mengambil masa antara 91 hingga melebihi 150 hari untuk diselesaikan hingga ke peringkat pengeluaran sijil. Butiran lengkap seperti di **Jadual 1.5** manakala perenggan seterusnya menerangkan setiap peringkat proses yang terlibat dan antara faktor yang menyebabkan kelewatan pengeluaran sijil.

Jadual 1.5
Tempoh Pemprosesan Permohonan SPH Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Tempoh (Hari)					Jumlah Pemohon
	1 - 30	31 - 90	91 - 120	121 - 150	Melebihi 150	
2012	4*	25*	9*	3*	13*	54*
2013	4	18	10	3	12	47
2014	3	7	3	1	3	17
Jumlah Permohonan	11	50	22	7	28	118
Peratus (%)	9.3	42.4	18.6	5.9	23.8	100

Sumber: JAINJ

Nota: * - Hari Bekerja

a. Dokumen Sokongan Lewat Diterima Dan Disahkan

Mengikut Piagam Pelanggan Pensijilan Halal Malaysia, pemohon perlu mengemukakan dokumen sokongan yang lengkap dalam tempoh 5 hari bekerja selepas penghantaran permohonan. Semakan Audit mendapati hanya 18 atau 15.3% daripada 118 permohonan berjaya mengemukakan dokumen sokongan serta disahkan dalam tempoh 1 hingga 5 hari manakala yang selebihnya telah mengemukakan dokumen sokongan melebihi tempoh yang ditetapkan sehingga melebihi 60 hari bekerja. Antara sebab kelewatan dokumen sokongan diterima dan disemak adalah kerana JAINJ telah memberi kelonggaran masa kepada pemohon untuk mengemukakan dokumen sokongan walaupun tidak mematuhi piagam pelanggan yang ditetapkan. Selain itu, terdapat dokumen sokongan yang memerlukan pengesahan lanjut berikutan kewujudan butiran ramuan meragukan yang disenaraikan oleh pemohon. **Jadual 1.6** menunjukkan tempoh dokumen sokongan diterima dan disahkan untuk permohonan sijil halal bagi tahun 2012 hingga 2014.

Jadual 1.6
Tempoh Dokumen Sokongan Diterima Dan Disahkan Bagi Permohonan Sijil Halal
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Tempoh Dokumen Sokongan Diterima Dan Disahkan (Hari Bekerja)				Jumlah Pemohon
	1 - 5	6 - 30	31 - 60	Melebihi 60	
2012	13	29	7	5	54
2013	2	16	16	13	47
2014	3	4	8	2	17
Jumlah Pemohon	18	49	31	20	118
Peratus (%)	15.3	41.5	26.3	16.9	100

Sumber: JAINJ

- b. **Maklum balas JAINJ bertarikh 19 Mac 2015**, menyatakan antara sebab dokumen sokongan lewat diterima dan disahkan adalah kerana proses penghantaran dokumen sokongan secara pos terutama lokasi yang jauh seperti Mersing dan Segamat, berlaku kesilapan penghantaran dokumen ke JAKIM, dokumen sokongan tidak lengkap dan maklumat dalam sistem permohonan dalam talian tidak dinyatakan dengan jelas.

c. **Fi Pensijilan Halal Lewat Diterima**

Berdasarkan Piagam Pelanggan Pensijilan Halal Malaysia, fi pensijilan halal perlu dijelaskan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh surat caj (arahan bayaran) dikeluarkan bagi membolehkan pengauditan terhadap premis halal dilaksanakan. Semakan Audit mendapati sebanyak 75 atau 63.6% daripada 118 permohonan telah menjelaskan fi pensijilan halal dalam tempoh yang ditetapkan manakala 43 atau 36.4% pemohon telah menjelaskan bayaran melebihi tempoh yang ditetapkan. Bayaran fi pensijilan halal lewat dibuat adalah kerana terdapat pemohon yang tidak mahir menggunakan sistem e-halal di mana surat arahan bayaran dikeluarkan secara dalam talian. Selain itu, bayaran hanya boleh dibuat di pejabat JAINJ di Johor Bahru sedangkan lokasi syarikat terletak di seluruh daerah di Negeri Johor. Butiran lengkap kelewatan fi pensijilan halal dibuat bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 1.7**.

Jadual 1.7
Bayaran Fi Pensijilan Halal Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Tempoh Bayaran Fi Dijelaskan (Hari Bekerja)				Jumlah Pemohon
	1 - 14	15 - 30	31 - 90	Melebihi 90	
2012	25	9	17	3	54
2013	34	4	7	2	47
2014	16	1	0	0	17
Jumlah Pemohon	75	14	24	5	118
Peratus (%)	63.6	11.9	20.3	4.2	100

Sumber: JAINJ

d. Pemeriksaan Premis Lewat Dilaksanakan

Piagam Pelanggan Pensijilan Halal Malaysia tidak menetapkan tempoh masa bagi pemeriksaan premis dijalankan setelah bayaran fi diterima. Sebelum tahun 2013, kelulusan sijil halal hendaklah dikeluarkan dalam tempoh 30 hari bekerja selepas caj bayaran diterima dan mulai bulan Januari 2013, sijil halal perlu dikeluarkan dalam tempoh 90 hari selepas permohonan lengkap dan bayaran fi diterima. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2012 sebanyak 36 atau 66.7% daripada 54 permohonan telah dibuat pemeriksaan melebihi tempoh 30 hari yang ditetapkan manakala bagi tahun 2013 dan 2014 sebanyak 16 atau 25.0% daripada 64 permohonan telah dibuat pemeriksaan antara 91 hingga melebihi 150 hari. Butiran lengkap tempoh kelewatan pemeriksaan premis dilaksanakan bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 1.8**.

Jadual 1.8
Tempoh Pemeriksaan Premis Dilaksanakan Daripada Tarikh Fi Dibayar
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Tempoh Pemeriksaan Premis Dilaksanakan (Hari)					Jumlah Pemohon
	1 - 30	31 - 90	91 - 120	121 - 150	Melebihi 150	
2012	18*	26*	4*	3*	3*	54*
2013	12	22	6	3	4	47
2014	4	10	3	0	0	17
Jumlah Permohonan	34	58	13	6	7	118
Peratus (%)	28.8	49.2	11.0	5.1	5.9	100

Sumber: JAINJ

Nota: * - Hari Bekerja

- e. **Maklum balas JAINJ bertarikh 19 Mac 2015, menyatakan antara kekangan pemeriksaan premis lewat dilaksanakan adalah jarak premis yang jauh serta alamat yang tidak jelas dan jadual kerja yang padat pegawai yang terlibat seperti jemputan ceramah, menjadi fasilitator halal, membantu bahagian lain bertugas di *Urban Transformation Centre (UTC)* dan menguruskan kursus serta latihan berkaitan halal kepada pemohon.**
- f. **Permohonan Lewat Dibawa Ke Mesyuarat Panel Pengesahan Halal Bagi Kelulusan Sijil**

Semakan Audit mendapati pada tahun 2012 sebanyak 46 atau 85.2% daripada 54 permohonan lewat dibentangkan di Mesyuarat Panel Pengesahan Halal (MPPH) antara 31 hingga melebihi 150 hari. Bagi tahun 2013 dan 2014 pula, sebanyak 23 atau 35.9 % daripada 64 permohonan telah mengambil masa antara 91 hingga melebihi 150 hari untuk dibentangkan di MPPH. Butiran lengkap tempoh pembentangan permohonan di MPPH adalah seperti di **Jadual 1.9**. Kelewatan permohonan dibentangkan di MPPH dalam tempoh yang ditetapkan disebabkan penangguhan jawapan dan tindakan oleh pemohon setelah pemeriksaan premis dibuat kerana terdapat penemuan ketidakakuran. Selain itu, mesyuarat yang

diadakan sebulan sekali juga menyebabkan kes yang memohon tempoh lanjutan masa untuk tindakan pembedahan terpaksa menunggu tarikh mesyuarat bulan berikutnya.

Jadual 1.9
Tempoh Pembentangan Permohonan Ke MPPH Dari Tarikh Fi Dibayar
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Tempoh Pembentangan Permohonan Di MPPH (Hari)										Jumlah Pemohon
	1 - 30		31 - 90		91 - 120		121 - 150		> 150		
	NCR	Tiada NCR	NCR	Tiada NCR	NCR	Tiada NCR	NCR	Tiada NCR	NCR	Tiada NCR	
2012	2*	6*	19*	10*	4*	0*	4*	4*	2*	3*	54*
2013	4	2	11	12	1	4	2	3	2	6	47
2014	0	4	0	8	0	2	0	2	0	1	17
Jumlah Pemohon	6	12	30	30	5	6	6	9	4	10	118
Jumlah Keseluruhan	18		60		11		15		14		118
Peratus (%)	15.3		50.8		9.3		12.7		11.9		100

Sumber: Jabatan Audit Negeri Johor

Nota: * - Hari Bekerja

NCR - Laporan Ketidakkakuran

g. Sijil Pengesahan Halal Lewat Dikeluarkan

Mengikut Piagam Pelanggan Pensijilan Halal Malaysia, SPH perlu dikeluarkan kepada pemohon yang berjaya dalam tempoh 5 hari bekerja selepas mesyuarat panel dijalankan. **Jadual 1.10** menunjukkan sebanyak 116 atau 98.3% daripada 118 permohonan lewat dikeluarkan SPH kepada pemohon dari tarikh MPPH diadakan antara 6 hingga melebihi 60 hari bekerja. Antara punca kelewatan adalah berlakunya birokrasi pentadbiran di mana sijil halal dicetak di Bahagian Hab Halal, JAKIM Putrajaya dan JAINJ hanya akan mengagihkan kepada pemohon apabila menerima sijil tersebut dengan menghubungi pemohon untuk hadir sendiri. SPH yang belum diambil/lewat diterima oleh pemohon menyebabkan pemohon yang terlibat menjalankan operasi/proses pengeluaran produk makanan tanpa mempamerkan SPH di premis berkenaan. Kelewatan pemprosesan permohonan SPH boleh menjejaskan reputasi dan keyakinan industri terhadap kecekapan JAINJ.

Jadual 1.10
Tempoh Masa Pengeluaran SPH Selepas Kelulusan Permohonan Bagi
Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Tempoh Sijil Dikeluarkan (Hari Bekerja)				Jumlah Pemohon
	1 - 5	6-30	31 - 60	Melebihi 60	
2012	1	46	3	4	54
2013	0	45	1	1	47
2014	1	14	1	1	17
Jumlah Pemohon	2	105	5	6	118
Peratus (%)	1.7	89.0	4.2	5.1	100

Sumber: JAINJ

- h. **Maklum balas JAINJ bertarikh 19 Mac 2015, menyatakan permohonan untuk mencetak sijil halal di peringkat negeri telah dibuat kepada JAKIM pada bulan Ogos 2013. Bagaimanapun, sehingga kini JAINJ masih belum mendapat kelulusan daripada JAKIM mengenai perkara tersebut.**
- i. Kekangan bilangan kakitangan dan bebanan tugas yang banyak antara sebab sijil halal lewat diproses. Unit Pengurusan Halal, Bahagian Penyelidikan JAINJ hanya mempunyai 11 orang kakitangan yang diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah (S48), 3 orang pegawai teknologi makanan (seorang – Gred C41 dan 2 orang – Gred C27) dan 7 orang pegawai hal ehwal Islam (seorang – Gred S41/44, 2 orang – Gred S27 dan 4 orang – Gred S17) bagi menguruskan pensijilan halal yang melibatkan proses semakan dokumen, caj bayaran, pemeriksaan premis, mesyuarat panel, pengeluaran sijil pengesahan halal, pemantauan, penguatkuasaan dan aduan awam. **Jadual 1.11** menunjukkan seorang pegawai teknologi makanan (C27) perlu menyelesaikan antara 401 hingga 431 permohonan setahun dan perlu melakukan pemantauan berkala terhadap pemegang SPH sedia ada antara 300 hingga 363 untuk tempoh setahun. Bebanan tugas telah menyebabkan terdapat permohonan tahun sebelum yang tidak dapat diselesaikan telah dibawa ke tahun semasa dan seterusnya pemantauan secara berkala tidak dapat dibuat kepada pemegang SPH secara menyeluruh.

**Jadual 1.11
Bilangan Permohonan Dan Pemantauan SPH Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Bil.	Butiran	2012	2013	2014
1	Permohonan dibawa dari tahun sebelum	34	329	296
2	Permohonan yang diterima tahun semasa	824	472	566
Jumlah Permohonan Yang Perlu Diproses		858	801	862
3	Permohonan dibawa ke MPPHJ	529	505	640
4	Permohonan yang tidak selesai tahun semasa	329	296	222
Nisbah Pegawai Teknologi Makanan (Gred C27) Dengan Jumlah Fail Permohonan Yang Perlu Diproses		1:429	1:401	1:431
Bilangan Pemantauan Yang Perlu Dilaksanakan		599	718	726
Nisbah Pegawai Teknologi Makanan (Gred C27) Dengan Bilangan Pemantauan Yang Perlu Dilaksanakan		1:300	1:359	1:363

Sumber: JAINJ

Pada pendapat Audit, tempoh masa keseluruhan yang diambil bagi memproses permohonan SPH adalah kurang memuaskan kerana hanya 36 atau 30.5% daripada 118 permohonan dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

1.4.3. Pemantauan Dan Pematuhan Syarat Pensijilan Halal

MPPHM 2011 (Semakan Kedua), Perenggan 10.3 menjelaskan pemantauan berkala merupakan pemeriksaan yang dijalankan secara terancang dan berterusan dari semasa ke semasa terhadap pemegang SPH Malaysia bagi menilai kepatuhan terhadap pensijilan dan penggunaan logo serta piawaian halal. Pemantauan perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun bagi premis halal dan 2 kali setahun bagi rumah sembelih.

1.4.3.1. Bilangan Pemantauan Terhadap Pemegang SPH Kurang Memuaskan

- a. Semakan Audit mendapati JAINJ telah melaksanakan pemantauan terhadap premis makanan dan rumah sembelihan pada setiap tahun sepertimana yang diarahkan. Bagaimanapun, bilangan pemantauan yang telah dilaksanakan masih di tahap rendah di mana bagi tempoh 3 tahun pemantauan hanya dibuat terhadap 8.8% atau 176 daripada 2,000 pemegang SPH. **Jadual 1.12** menunjukkan pemantauan berkala terhadap syarikat yang telah memiliki SPH Malaysia mengikut industri bagi tahun 2012 hingga 2014. Bilangan pemantauan yang rendah berpunca daripada kekurangan kakitangan di JAINJ bagi menjalankan pemantauan. Pegawai yang melaksanakan tugas pemantauan adalah pegawai yang sama memproses permohonan pensijilan halal. Pegawai yang terlibat menumpukan lebih perhatian kepada tugas-tugas pemprosesan berikutan peningkatan ketara bilangan permohonan.

Jadual 1.12
Jumlah Pemantauan Berkala Terhadap Syarikat Yang Memiliki SPH Mengikut Jenis Industri Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Bil.	Jenis Industri	2012			2013			2014		
		Bil. SPH	Bil. Pemantauan Dilaksanakan	(%)	Bil. SPH	Bil. Pemantauan Dilaksanakan	(%)	Bil. SPH	Bil. Pemantauan Dilaksanakan	(%)
1	Kilang Makanan	368	42	11.4	466	26	5.6	514	59	11.5
2	Hotel/Resort	40	8	20.0	46	1	2.2	44	5	11.4
3	Restoran/ Premis Makanan	126	4	3.2	125	4	3.2	100	10	10.0
4	Rumah Sembelih*	15	1	3.3*	15	6	20.0*	13	7	26.9*
5	Farmaseutikal	2	0	0	9	0	0	9	1	11.1
6	Kosmetik	5	0	0	7	0	0	4	1	25.0
7	Bahan Gunaan	28	0	0	34	1	2.9	28	0	0
8	Logistik	-	-	-	1	0	0	1	0	0
Jumlah		584	55	9.2	703	38	5.3	713	83	11.4

Sumber: JAINJ

Nota: * - Pemeriksaan Perlu Dilaksanakan 2 Kali Setahun

- b. Semakan Audit terhadap hasil pemantauan yang telah dilaksanakan oleh JAINJ pada tahun 2012 mendapati 30 atau 54.5% daripada 55 pemegang SPH yang mematuhi syarat yang ditetapkan manakala pada tahun 2013 dan 2014 masing-masing hanya satu dan 3 pemegang SPH yang mematuhi sepenuhnya MPPHM 2011 (Semakan Kedua). Secara keseluruhannya, bagi tahun 2012 hingga 2014 pemantauan terhadap 176 premis/kilang makanan, farmaseutikal, kosmetik dan rumah sembelih menunjukkan 103 atau 58.5% pemegang SPH tidak mematuhi syarat dalam MPPHM 2011 (Semakan Kedua) dan 39 atau 22.2% SPH telah ditarik dan digantung kerana membuat kesalahan besar dan serius. SPH yang digantung/ditarik semasa lawatan akan dipulangkan semula apabila kesalahan besar yang dibangkitkan melalui notis penggantungan/penarikan SPH telah diambil tindakan pembetulan oleh pemegang SPH. Butiran lanjut kesalahan/ulasan pemantauan berkala terhadap syarikat yang telah memiliki SPH bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 1.13**. Kegagalan dan penarikan balik SPH disebabkan pemegang SPH kurang peka mengenai syarat dan peraturan pensijilan halal yang ditetapkan. Pemantauan yang

berterusan adalah perlu bagi memastikan pemegang SPH sentiasa mematuhi syarat pensijilan agar keyakinan pengguna terhadap pensijilan halal tidak diragui dan dipertikaikan.

Jadual 1.13
Senarai Kesalahan Semasa Pemantauan Berkala Terhadap Pemegang SPH
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Bil. SPH	Bil. Pemantauan Dilaksanakan	Rekod Tindakan Atas Kesalahan / Ulasan Semasa Pemantauan Berkala			
			Mematuhi	Ketidakakuran	Sijil Digantung	Sijil Ditarik
2012	584	55	30	14	7	4
2013	703	38	1	34	3	-
2014	713	83	3	55	20	5
Jumlah	2000	176	34	103	30	9
Peratus (%)	-	-	19.3	58.5	17.0	5.1

Sumber: JAINJ

1.4.3.2. Pematuhan Terhadap Syarat Pensijilan Halal Kurang Memuaskan

MPPHM 2011 (Semakan Kedua) menetapkan beberapa syarat umum dan khusus mengikut kategori premis yang perlu dipatuhi oleh pemegang SPH. Lawatan dan pemeriksaan Audit bersama pegawai JAINJ telah dijalankan terhadap 47 premis yang mendapat pensijilan halal di Negeri Johor yang terdiri daripada 28 kilang makanan, 8 restoran, 3 hotel, 6 rumah sembelih, sebuah kilang kosmetik dan sebuah kilang farmaseutikal. Pemeriksaan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- a. Kesemua 47 atau 100% premis ada melakukan kesalahan dengan tidak mematuhi sepenuhnya arahan MPPHM 2011 (Semakan Kedua). **Jadual 1.14** menunjukkan jenis tindakan yang telah diambil semasa lawatan dilaksanakan di mana 5 atau 10.6% sijil halal telah ditarik, 19 atau 40.4% sijil halal digantung dan 23 atau 49.0 % sijil halal di keluarkan notis ketidakakuran. Bagi semua kesalahan, pengusaha dikehendaki memperbaiki kesalahan dengan memberi maklum balas melalui surat dan gambar bagi membuktikan tindakan yang telah diambil. Bagi kes sijil ditarik/ digantung dan pembaharuan, perkara tersebut akan dibawa ke MPPH untuk mendapat keputusan sama ada sijil akan dipulangkan, ditarik, lulus atau sebaliknya.

Jadual 1.14
Senarai Kesalahan Yang Ditemui Semasa Pemantauan
Bersama Jabatan Audit Negara Terhadap Syarikat Yang Memiliki SPH

Bil.	Butiran	Penemuan Semasa Lawatan			
		Sijil Ditarik	Sijil Digantung	Ketidakakuran	Jumlah
1	Kilang Makanan	3	13	12	28
2	Restoran/Hotel	1	5	5	11
3	Farmaseutikal	1	-	-	1
4	Kosmetik	-	-	1	1
5	Rumah Sembelih	-	1	5	6
Jumlah		5	19	23	47
Peratus (%)		10.6	40.4	49.0	100

Sumber: Lawatan Audit Bersama Pegawai JAINJ

- b. MPPHM 2011 (Semakan Kedua) telah mengkategorikan jenis kesalahan dan tindakan yang boleh dilaksanakan semasa pemantauan dan penguatkuasaan dilaksanakan kepada pemegang SPH. Lawatan Audit telah menemui beberapa kesalahan yang telah dilakukan oleh pemegang SPH seperti berikut:

i. Kesalahan Kecil

Antara kesalahan kecil yang digariskan dalam MPPHM 2011 (Semakan Kedua) adalah kebersihan premis, peralatan, pekerja dan persekitaran, kawalan makhluk perosak serta pengendali makanan tidak mendapat pelalian anti *typhoid*. Lawatan Audit mendapati sebanyak 127 ketidakakuran yang telah dilakukan oleh pemegang SPH seperti pekerja tidak memakai sarung tangan, penutup kepala dan mulut, kebersihan kawasan pemprosesan tidak memuaskan, penggunaan bahan yang telah tamat tempoh, adunan roti dihinggapi lalat, barang tidak disusun dengan teratur, meletakkan kain lap di atas lantai dan menyimpan bahan kimia bersama bekas makanan. Butiran lanjut seperti di **Jadual 1.15**.

Jadual 1.15
Senarai Kesalahan Kecil Yang Dilakukan Oleh Pemegang SPH

Bil.	Jenis Kesalahan	Jenis Industri					Jumlah Kesalahan
		Kilang Makanan	Restoran/ Hotel	Rumah Sembelih	Farmaseutikal	Kosmetik	
1	Kebersihan premis kurang memuaskan seperti di Gambar 1.1 hingga Gambar 1.6	14	3	1	-	-	18
2	Kawalan makhluk perosak kurang berkesan seperti di Gambar 1.7 dan Gambar 1.8	5	4	1	-	-	10
3	Pekerja tidak memakai pakaian bersesuaian/ pelindung (sarung tangan, penutup kepala dan mulut)	11	2	-	-	-	13
4	Telur tidak dibasuh/tiada SOP pembersihan telur	4	6	-	-	-	10
5	Produk/ bahan diletakkan di atas lantai	5	-	-	-	-	5
6	Gagal kemukakan dokumen halal	6	3	2	-	1	12
7	Pengendali tidak melengkapkan pelalian anti Typhoid	12	3	2	1	-	18
8	Tiada latihan halal diberikan kepada pekerja	13	4	2	-	1	20
9	Tiada penyeliaan dan pemantauan dalaman syarikat berkaitan halal	4	-	-	-	-	4
10	Surau tiada arah kiblat	6	-	1	-	-	7
11	Bahan ramuan telah tamat tempoh/tidak berkualiti seperti di Gambar 1.9 hingga Gambar 1.12	-	3	-	-	-	3
12	Peralatan yang digunakan bukan jenis <i>food grade</i>	4	1	-	-	-	5
13	Tidak tukar penyembelih selepas 3000 ekor ayam	-	-	2	-	-	2
Jumlah		84	29	11	1	2	127

Sumber: Lawatan Audit Bersama Pegawai JAINJ

Gambar 1.1
Kebersihan Lantai Kurang Memuaskan Di Tempat Pengeraman Roti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Roti Di Johor Bahru
Tarikh: 11 November 2014

Gambar 1.2
Tempat Pemprosesan Makanan Berdekatan Longkang Terbuka



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Makanan Di Muar
Tarikh: 2 Disember 2014

Gambar 1.3
Kebersihan Tempat Pemprosesan Kurang Memuaskan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Makanan Di Johor Bahru
Tarikh: 25 November 2014

Gambar 1.4
Peralatan Memasak Diletakkan Berdekatan Dengan Tandas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Roti Di Muar
Tarikh: 1 Disember 2014

Gambar 1.5
Kain Lap Diletakkan Di Atas Lantai Dan Kotor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Roti Di Muar
Tarikh: 1 Disember 2014

Gambar 1.6
Persekitaran Pemprosesan Kurang Bersih




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Roti Di Muar
Tarikh: 2 Disember 2014

Gambar 1.7
Adunan Roti Dihinggapi Lalat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Roti Di Pontian
Tarikh: 12 November 2014

Gambar 1.8
Lipas Berkeliaran Di Tempat Penyediaan Makanan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Premis Makanan Di Johor Bahru
Tarikh: 18 November 2014

Gambar 1.9
Penggunaan Minyak Masak Yang Tidak Diganti Dan Telah Bertukar Warna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Makanan Di Batu Pahat
Tarikh: 10 November 2014

Gambar 1.10
Penggunaan Minyak Masak Terpakai Dalam Pembuatan Biskut



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Makanan Di Batu Pahat
Tarikh: 11 November 2014

Gambar 1.11
Penggunaan Bahan Ramuan Yang Telah Tamat Tempoh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hotel Di Mersing
Tarikh: 24 November 2014

Gambar 1.12
Penggunaan Roti Yang Telah Tamat Tempoh Dan Berkulat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Premis Makanan Di Kluang
Tarikh: 9 Disember 2014

ii. Kesalahan Besar

MPPHM 2011(Semakan Kedua) klausa 10.4.2 menyatakan tindakan penggantungan SPH oleh pegawai pemeriksa boleh dikenakan kepada pengusaha yang melakukan kesalahan teknikal yang dikategorikan sebagai kesalahan besar. Lawatan Audit mendapati sebanyak 79 kesalahan besar yang dilakukan oleh pemegang SPH adalah seperti tidak menukar logo halal Malaysia yang baru tanpa surat bertulis memohon lanjutan masa kepada JAINJ, menggunakan bahan ramuan yang tiada sijil halal, tiada pekerja Muslim di kawasan proses dan mempamerkan SPH yang telah tamat tempoh. Butiran lengkap seperti di **Jadual 1.16**.

Jadual 1.16
Senarai Kesalahan Besar Yang Dilakukan Oleh Pemegang SPH

Bil.	Jenis Kesalahan	Jenis Industri					Jumlah Kesalahan
		Kilang	Restoran/ Hotel	Rumah Sembelih	Farmaseutikal	Kosmetik	
1	Bahan ramuan tiada sijil halal seperti di Gambar 1.13	8	7	-	-	-	15
2	Logo sijil halal pada bahan dari negara luar tidak sama dengan negara pengeluar	-	1	-	1	1	3
3	Menambah/menukar pembekal bahan ramuan	11	6	-	-	-	17
4	Menggunakan logo halal pada produk yang tidak terdapat dalam senarai SPH seperti di Gambar 1.14	9	-	3	-	-	12
5	Penggunaan logo halal yang tidak mematuhi kehendak MPPHM	12	-	2	-	-	14
6	Tiada pekerja/penyelia Muslim di kawasan pemprosesan/dapur	9	3	-	-	-	12
7	Mempamerkan SPH yang tamat tempoh	1	1	-	-	-	2
8	Alat/unsur Penyembahan agama terletak/digunakan di kawasan pemprosesan/ produk akhir	4	-	-	-	-	4
Jumlah		54	18	5	1	1	79

Sumber: Lawatan Audit Bersama Pegawai JAINJ

Gambar 1.13
Penggunaan Bahan Ramuan Yang Tiada
Logo Halal



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Premis Makanan Di Muar
 Tarikh: 1 Disember 2014

Gambar 1.14
Logo Halal Digunakan Pada Produk Yang
Tiada Dalam Senarai SPH



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Premis Makanan Di Muar
 Tarikh: 2 Disember 2014

iii. Kesalahan Serius

Penarikan balik SPH akan dibuat sekiranya syarikat telah melakukan kesalahan serius antaranya terdapat percampuran/penyimpanan antara bahan halal dengan bahan haram, peralatan yang digunakan bercampur antara halal dan haram, membawa masuk bahan haram ke premis atau syarikat yang telah mendapat SPH dan penggunaan bahan haram setelah memiliki SPH. Pihak Audit mendapati sebanyak 15 kesalahan serius yang ditemui semasa lawatan diadakan seperti pekerja membawa masuk makanan yang tidak halal ke kawasan proses, bahan ramuan dicampurkan di luar dan bahan yang digunakan tidak diketahui status halalnya, percampuran penyimpanan barang haram dan halal serta penggunaan berus bulu babi. Butiran lengkap seperti di **Jadual 1.17**.

Jadual 1.17
Senarai Kesalahan Serius Yang Dilakukan Oleh Pemegang SPH

Bil.	Jenis Kesalahan	Jenis Industri					Jumlah Kesalahan
		Kilang	Restoran/ Hotel	Rumah Sembelih	Farmaseutikal	Kosmetik	
1	Menggunakan peralatan berus bulu babi seperti di Gambar 1.15	3	-	-	1	-	4
2	Membawa masuk bahan haram ke premis yang telah mendapat SPH seperti di Gambar 1.16	1	-	-	-	-	1
3	Pencampuran/ penyimpanan antara bahan halal dan bahan haram seperti di Gambar 1.17 dan Gambar 1.18	4	1	1	-	1	7
4	Penggunaan alat stunning sehingga menyebabkan haiwan mati	-	-	1	-	-	1
5	Penyembelih dan <i>checker</i> tidak bertauliah/ tauliah penyembelihan tamat tempoh	-	-	2	-	-	2
Jumlah		8	1	4	1	1	15

Sumber: Lawatan Audit Bersama Pegawai JAINJ

Gambar 1.15
Penggunaan Berus Bulu Babi



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kilang Makanan Di Batu Pahat
 Tarikh: 11 November 2014

Gambar 1.16
Pekerja Membawa Makanan Tidak Halal Ke Kawasan Pemprosesan Makanan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kilang Makanan Di Muar
 Tarikh: 2 Disember 2014

Gambar 1.17
Penyimpanan Minuman Keras Bersama
Produk Makanan Lain



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hotel Di Mersing
Tarikh: 24 November 2014

Gambar 1.18
Bahan Ramuan Dicampurkan Di Luar Dan
Bahan Yang Digunakan Tidak Diketahui
Status Halalnya



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Makanan Di Muar
Tarikh: 2 Disember 2014

- c. Minit MPPH Negeri Bil. 11 dan 12 Tahun 2014 serta Bil. 1 tahun 2015 menunjukkan daripada 24 sijil yang digantung/ditarik balik, 8 sijil telah ditarik sepenuhnya kerana jawapan dan tindak balas daripada pengusaha kilang/premis makanan tidak memuaskan dan tidak meyakinkan ahli MPPH. Bagi kes di mana SPH ditarik balik, tiada rekod menyatakan sama ada tindakan susulan untuk memastikan tidak terdapat salah guna SPH yang telah ditarik balik atau tindakan penguatkuasaan telah dijalankan. Semakan Audit di laman sesawang JAKIM di portal halal pada 8 Mac 2015 mendapati status bagi 7 syarikat yang telah ditarik balik masih menunjukkan sijil masih aktif dan satu tidak aktif. Lawatan susulan telah dibuat pada 11 dan 12 Februari 2015 terhadap 5 pemegang SPH yang telah ditarik balik dan pihak Audit mendapati pemegang SPH yang terlibat masih menggunakan logo halal Malaysia. Pihak Audit juga mendapati pemegang SPH tidak membuat tindakan penambahbaikan terhadap teguran yang telah dibuat oleh JAINJ di mana penemuan yang sama telah ditemui pada lawatan susulan tersebut. Selain itu, terdapat kesalahan yang baru ditemui seperti penggunaan berus disyaki bulu babi dan menggunakan logo halal pada produk yang tidak terdapat dalam senarai SPH. **Gambar 1.19** dan **Gambar 1.20** menunjukkan logo halal masih digunakan pada produk keluaran syarikat walaupun SPH telah ditarik kerana melakukan kesalahan serius. Pemantauan dan penguatkuasaan adalah amat penting bagi menjamin ketelusan pengusaha dan jaminan kualiti sijil halal yang dikeluarkan oleh JAINJ.
- d. **Maklum balas bertariikh 19 Mac 2015, menyatakan JAINJ tidak mempunyai kebenaran bagi mengakses laporan selepas SPH ditarik balik dalam sistem e-halal. Bagaimanapun, JAINJ telah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada JAKIM bagi mendapatkan kebenaran untuk mengakses sistem tersebut bagi memudahkan pengemaskinian dibuat sekiranya SPH ditarik balik.**

Gambar 1.19
Logo Halal Masih Digunakan Pada Produk Walaupun Telah Ditarik Balik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Makanan Di Johor Bahru
Tarikh: 12 Februari 2015

Gambar 1.20



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Makanan Di Muar
Tarikh: 11 Februari 2015

1.4.3.3. Berdasarkan maklum balas JAINJ bertarikh 19 Mac 2015, antara faktor pemegang SPH tidak akur terhadap peraturan yang ditetapkan adalah Jawatankuasa Halal Dalaman syarikat tidak berfungsi dengan baik serta tidak terlatih dan hanya diwujudkan sekadar untuk memenuhi kehendak MPPHM 2011 (Semakan Kedua). Pihak JAINJ juga hanya dapat melaksanakan 10% latihan berkaitan halal kepada syarikat kerana mengalami kekangan peruntukan. Bagaimanapun, usaha mempertingkatkan lagi penganjuran latihan dan program akan diteruskan dari semasa ke semasa dengan mewujudkan kerjasama bersama agensi lain yang berkaitan.

Pada pendapat Audit, tindakan pemantauan adalah kurang memuaskan kerana bagi tempoh 3 tahun bilangan pemantauan yang dilaksanakan adalah hanya 8.8% daripada keseluruhan pemegang SPH. Selain itu, hasil lawatan juga membuktikan terdapat beberapa pemegang SPH yang ingkar terhadap pematuhan peraturan/prosedur MPPHM 2011 (Semakan Kedua).

1.4.3.4. Penguatkuasaan Terhadap Penyalahgunaan SPH Tidak Dilakukan

- a. Penguatkuasaan akan dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) atau JAKIM atau JAINJ di bawah peruntukan Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011), yang membolehkan tindakan diambil ke atas syarikat atau individu yang melanggar prosedur halal yang telah ditetapkan. Warta Kerajaan Persekutuan bertarikh 21 Januari 2013 menyatakan pada masa menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) APD 2011, Menteri boleh melantik Pegawai Hal Ehwal Islam dan Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam JAINJ sebagai Penolong Pengawal Perihal Dagangan mulai 1 Jun 2012. Sehubungan itu, KPDNKK telah mengeluarkan 7 kad kuasa kepada pegawai JAINJ yang mana 4 daripada kad kuasa tersebut telah diberikan kepada pegawai di Unit Pengurusan Halal. Semakan Audit mendapati tiada tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh JAINJ terhadap pemegang SPH yang telah menyalahgunakan logo halal walaupun lantikan telah dibuat pada bulan Jun 2012. Tindakan

penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan serta bebanan tugas pegawai yang diberi kuasa selain masih belum bersedia untuk melaksanakan pemeriksaan dan penyiasatan secara bersendirian. Kesannya, JAINJ tidak dapat menjalankan pemeriksaan dan penyiasatan secara bersendirian dan terpaksa bergantung kepada KPDNKK. Pemeriksaan bersepadu hanya dijalankan bersama KPDNKK dan agensi lain berdasarkan aduan dan secara berkala masing-masing sebanyak 6 kali bagi tahun 2012 dan 2013 serta sebanyak 4 kali pada tahun 2014.

- b. Maklum balas JAINJ bertarikh 19 Mac 2015, menyatakan walaupun penyerahan kad kuasa telah dibuat tetapi tiada standard prosedur dan bidang kuasa khas yang dinyatakan.**

Pada pendapat Audit, penguatkuasaan terhadap pensijilan halal adalah kurang memuaskan kerana penguatkuasaan masih belum dapat dilaksanakan berikutan kekangan serta bebanan tugas pegawai yang terlibat.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, adalah disyorkan supaya Unit Pengurusan Halal, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

1.5.1. Mengkaji semula Prosedur Proses Piagam Pelanggan SPH, JAINJ dengan menyediakan norma masa yang lebih jelas dan bersesuaian untuk setiap peringkat pemprosesan agar tempoh penyelesaian permohonan SPH dapat dioptimumkan.

1.5.2. Meningkatkan pemantauan secara berkala terhadap produk perkilangan, premis makanan dan rumah sembelih bagi memastikan pengusaha mematuhi sepenuhnya peraturan MPPHM 2011 (Semakan Kedua) dan melaksanakan operasi bersepadu bersama dengan pegawai KPDNKK bagi syarikat yang ditarik balik SPH bagi memastikan logo halal tidak disalah guna.

PEJABAT TANAH DAERAH KOTA TINGGI PEJABAT TANAH DAERAH MERSING LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA

2. PENGURUSAN PEMBERIMILIKAN TANAH

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Pemberimilikan tanah adalah satu daripada kaedah pelupusan tanah yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) terhadap tanah Kerajaan. Mengikut Seksyen 5 Kanun Tanah Negara (KTN), beri milik bermaksud melupuskan tanah Kerajaan untuk selama-lamanya atau satu tempoh beberapa tahun. Seksyen 76 KTN menetapkan pelupusan tanah Kerajaan oleh PBN adalah satu tempoh tidak melebihi 99 tahun atau untuk selama-lamanya dan sebagai balasan bayaran sewa tahunan serta bayaran premium akan dikenakan. Manakala menurut Seksyen 78(3) KTN, pemberimilikan tanah Kerajaan hendaklah berkuat kuasa apabila dokumen hak milik didaftarkan. Tanah yang diluluskan untuk pemberimilikan masih terus bertaraf tanah Kerajaan selagi hak milik tidak didaftarkan. Kesemua permohonan tanah dibuat melalui Pejabat Tanah Daerah manakala Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) menghantar perakuan terus ke Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) bagi mendapatkan kelulusan hak milik tanah bagi tujuan pembangunan.

2.1.2. Setiap permohonan pemberimilikan yang diluluskan oleh PBN perlu menjelaskan bayaran cukai tanah tahun pertama, premium, bayaran ukur dan bayaran pendaftaran Hak Milik Sementara dan Hak Milik Muktamad. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi (PTKT) telah menerima 2,805 permohonan pemberimilikan tanah dan 322 permohonan telah diluluskan. Pejabat Tanah Daerah Mersing (PTM) telah menerima sebanyak 1,492 permohonan dan sebanyak 628 permohonan telah diluluskan melibatkan pelbagai kategori penggunaan tanah iaitu pertanian, kediaman dan perindustrian.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan pemberimilikan tanah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mematuhi peraturan yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pelaksanaan dan pemantauan terhadap permohonan dan pemberimilikan tanah bagi tahun 2012 hingga 2014 di PTKT dan PTM serta pengurusan pemberimilikan tanah lot industri yang diuruskan oleh KEJORA. Bagi kes-kes tertentu pemberimilikan tanah sebelum tahun 2012 juga disemak. Semakan dilakukan terhadap fail permohonan, daftar permohonan tanah, dokumen bayaran hasil dan pendaftaran hak milik dan surat perjanjian. Sampel fail yang dipilih untuk pengauditan terdiri daripada individu, agensi Kerajaan dan swasta serta syarikat. Selain itu, lawatan ke kawasan permohonan dan

memberimilikan tanah serta temu bual dengan pegawai yang terlibat turut diadakan untuk mendapat pengesahan. *Exit conference* bersama Pentadbir Tanah Kota Tinggi, Pentadbir Tanah Mersing, Pengurus Hartanah KEJORA, Pegawai Unit Korporat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (Perbadanan Setiausaha Kerajaan) serta lain-lain pegawai kanan PTKT, PTM dan KEJORA telah diadakan pada 12 April 2015.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dilaksanakan antara bulan September hingga Disember 2014 mendapati secara umumnya pengurusan pemberimilikan tanah adalah memuaskan dari segi urusan pembayaran notis 5A di mana ianya dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, proses pendaftaran hak milik juga dapat dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan setelah semua bayaran diterima. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang memberi kesan terhadap pengurusan pemberimilikan tanah seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut.

- Bilangan penyelesaian permohonan pemberimilikan tanah rendah.
- Kelewatan penyelesaian permohonan pemilikan tanah iaitu melebihi 4 bulan dan kelewatan pengeluaran Notis Borang 5A.
- Tanah Kerajaan diusahakan dan diduduki sebelum diberi milik.
- Perjanjian jual beli dibuat antara KEJORA dan syarikat swasta di atas tanah Kerajaan Negeri yang masih belum ditukar hak milik KEJORA.

2.4.1. Prestasi Permohonan Pemberimilikan Tanah

2.4.1.1. Kaedah pemberimilikan tanah terbahagi kepada 2 cara iaitu pemberimilikan tanah secara dirancang dan pemberimilikan tanah secara tidak dirancang. Pemberimilikan tanah secara dirancang adalah tanah yang diberi milik atas permohonan secara pelawaan daripada Pejabat Tanah Daerah seperti penempatan berkelompok Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Manakala pemberimilikan tanah secara tidak dirancang melibatkan permohonan daripada individu atau agensi untuk tujuan tapak pertanian, rumah atau bangunan. Permohonan tanah melalui kedua-dua cara bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Permohonan Tanah Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014

Jenis Permohonan	Tahun						Jumlah		Jumlah Besar
	2012		2013		2014		KT	M	
	KT	M	KT	M	KT	M			
Individu	401	517	695	285	1,585	350	2,681	1,152	3,833
Agensi Kerajaan	6	98	18	13	11	5	35	116	151
Agensi Swasta	9	180	43	22	37	22	89	224	313
Jumlah	416	795	756	320	1,633	377	2,805	1,492	4,297

Sumber: Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi Dan Pejabat Tanah Daerah Mersing

Catatan: KT = Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi

M = Pejabat Tanah Daerah Mersing

2.4.1.2. Bilangan Penyelesaian Permohonan Pemberimilikan Tanah Rendah

- a. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 sebanyak 2,805 permohonan secara individu, agensi kerajaan dan agensi swasta telah diterima di PTKT. Daripada jumlah permohonan yang diterima pada tahun 2012 hingga 2014 dan baki permohonan sebelum tahun 2012 berjumlah 2,095, hanya 322 permohonan atau 6.57% diluluskan, 156 permohonan atau 3.18% telah ditolak manakala 4,422 permohonan atau 90.24% belum selesai.
- b. Manakala di PTM pula, sebanyak 1,492 permohonan pula telah diterima pada tahun 2012 hingga 2014. Daripada jumlah permohonan yang diterima pada tahun 2012 hingga 2014 dan baki permohonan sebelum tahun 2012 berjumlah 2,370, hanya 628 permohonan atau 16.26% diluluskan, 746 permohonan atau 19.32% telah ditolak manakala 2,488 permohonan atau 64.42% masih belum selesai. Secara keseluruhannya jumlah permohonan belum selesai sehingga 31 Disember 2014 adalah sebanyak 6,910 atau 78.86% daripada 8,762 permohonan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Status Permohonan Dan Pemberimilikan Tanah Bagi Tempoh 2012 Hingga 2014

Status Permohonan	Tahun						Jumlah		Keseluruhan
	2012		2013		2014		KT	M	
	KT	M	KT	M	KT	M			
Baki Tahun Sebelum	2,095	2,370	2,364	2,600	2,854	2,356	2,095	2,370	4,465
Terima	416	795	756	320	1,633	377	2,805	1,492	4,297
Lulus	120	264	172	220	30	144	322	628	950
Tolak/Batal	27	301	94	344	35	101	156	746	902
Belum Selesai	2,364	2,600	2,854	2,356	4,422	2,488	4,422	2,488	6,910

Sumber: Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi Dan Pejabat Tanah Daerah Mersing

Catatan: KT = Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi M = Pejabat Tanah Daerah Mersing

- c. Analisis Audit mendapati antara punca peningkatan bilangan permohonan belum selesai adalah disebabkan kelewatan memproses permohonan pemberimilikan di semua peringkat bermula dari siasatan dan laporan tanah, surat ke Jabatan Teknikal dan ulasan daripada Jabatan Teknikal.

2.4.1.3. Proses Permohonan Pemberimilikan Tanah

a. Tempoh Memproses Permohonan Pemberimilikan Tanah Melebihi 4 Bulan

- i. Mengikut KTN 1965 dan Manual Tanah Negara proses permohonan pelupusan tanah melibatkan beberapa peringkat iaitu pendaftaran permohonan, siasatan dan penyediaan laporan tanah, laporan ulasan Jabatan Teknikal, keputusan oleh Jawatankuasa Pemilihan Tanah Daerah (JKPTD) dan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK), penyampaian notis Borang 5A serta pembayaran dan pengeluaran Hak Milik Sementara. Hak Milik Kekal dikeluarkan setelah Jabatan Ukur dan Pemetaan selesai membuat pelan ukur (PU). Norma tempoh masa bagi

pemprosesan pemberimilikan tanah seperti mana ditetapkan dalam Panduan Memproses Permohonan Pemberimilikan Tanah iaitu Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 1/2013 adalah 4 bulan.

- ii. Semakan Audit terhadap proses permohonan tanah yang didaftarkan di PTKT dan PTM bagi tahun 2012 hingga 2014 mendapati tiada permohonan diselesaikan mengikut norma masa yang ditetapkan. Proses pemberimilikan tanah daripada permohonan tanah sehingga pengeluaran Notis 5A diselesaikan dalam tempoh antara 13 hingga 168 bulan. Di PTKT sebanyak 23 permohonan diproses dalam tempoh 13 hingga 44 bulan dan 10 permohonan diproses dalam tempoh 49 hingga 128 bulan. Manakala di PTM, terdapat 3 permohonan diselesaikan dalam tempoh 12 bulan, 13 permohonan diproses dalam tempoh 13 hingga 24 bulan, 15 permohonan diselesaikan dalam tempoh 25 bulan hingga 44 bulan dan 6 permohonan diproses melebihi tempoh 44 bulan hingga 168 bulan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Tempoh Proses Penyelesaian Permohonan Pemberimilikan

Pejabat	Tempoh Masa Proses Pelupusan Tanah (Bulan)					Jumlah Permohonan
	1 - 4	5 - 12	13 - 24	25 - 44	>44	
Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi	0	0	13	10	10	33
Pejabat Tanah Daerah Mersing	0	3	13	15	6	37

Sumber: Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi Dan Pejabat Tanah Daerah Mersing

2.4.1.4. Proses Siasatan Dan Laporan Tanah, Laporan Jabatan Teknikal Dan Penyediaan Kertas Perakuan Lewat Dilaksanakan

- a. Selepas pendaftaran permohonan tanah dibuat, Penolong Pegawai Tanah membuat siasatan dan menyediakan laporan siasatan tanah. Selepas itu, Pembantu Tadbir menghantar surat mengenai siasatan kesesuaian tanah ke Jabatan Teknikal seperti Majlis Daerah, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Kerja Raya serta Jabatan Alam Sekitar. Semakan Audit ke atas 120 fail di PTKT dan PTM mendapati tempoh masa yang diambil bagi lima peringkat proses lewat dilaksanakan oleh Pentadbir Tanah dan Jabatan Teknikal antara 1 hingga 180 bulan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Tempoh Masa Proses Penyelesaian Permohonan Pemberimilikan Tanah

Peringkat Proses	Tempoh Masa Proses Penyelesaian Permohonan Pemberimilikan Tanah (Bulan)										Jumlah		Keseluruhan
	< 3		4 - 6		7 - 12		13 - 36		>36				
	KT	M	KT	M	KT	M	KT	M	KT	M	KT	M	
Siasatan Dan Laporan Tanah	10	17	2	11	6	4	12	7	5	2	35	41	76
Surat Ke Jabatan Teknikal	12	18	0	2	0	2	0	5	2	0	14	27	41
Ulasan Jabatan Teknikal	45	88	2	4	10	7	6	0	0	0	63	99	162
Kertas Perakuan	1	13	1	5	5	7	0	4	1	0	8	29	37
Kelulusan MMK	0	0	7	11	3	25	2	1	0	0	12	37	49

Sumber: Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi Dan Pejabat Tanah Daerah Mersing

Catatan: KT = Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi

M = Pejabat Tanah Daerah Mersing

MMK = Majlis Mesyuarat Kerajaan

- b. Semakan Audit mendapati kelewatan ketara berlaku di peringkat siasatan dan laporan tanah dan ulasan Jabatan Teknikal. Di PTM, hanya 5 daripada 41 permohonan tanah telah disiasat dan disediakan laporan tanah dalam tempoh kurang dari 14 hari. Manakala, 23 laporan tanah dibuat dalam tempoh 18 hari hingga 6 bulan dan selebihnya sebanyak 13 laporan disediakan dalam tempoh 7 bulan hingga 244 bulan. Di PTKT, daripada 35 permohonan tanah yang disemak, 12 permohonan telah disediakan laporan tanah dalam tempoh sebulan hingga 5 bulan dan selebihnya 23 laporan tanah disediakan dalam tempoh 7 bulan hingga 65 bulan.
- c. Perkara 13.1 Manual Kanun Tanah Negara menyatakan pihak Pentadbir Tanah boleh mengatur lawatan bersama Jabatan Teknikal untuk mempercepatkan penerimaan laporan daripada Jabatan Teknikal. Semakan Audit mendapati tiada bukti lawatan dibuat bersama Jabatan Teknikal bagi tujuan tersebut. Akibatnya, sebanyak 125 maklum balas yang diterima daripada Jabatan Teknikal adalah melebihi tempoh 2 minggu sehingga 626 hari. Manakala sebanyak 10 maklum balas tidak diterima daripada Jabatan Teknikal. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Tempoh Masa Menerima Laporan Daripada Jabatan Teknikal

Bil.	Jabatan Teknikal	Maklum Balas Tidak Diterima	Maklum Balas Diterima Mengikut Tempoh (Hari)				Jumlah
			<14	15-30	31-60	>61	
1	Majlis Daerah	1	0	1	0	0	2
2	Jabatan Pertanian	2	2	3	6	22	35
3	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	0	1	8	7	1	17
4	Jabatan Pengairan Dan Saliran	3	2	3	5	3	16
5	Jabatan Kerja Raya	0	3	12	15	6	36
6	Jabatan Alam Sekitar	0	1	1	0	0	2
7	Jabatan Perhutanan	1	0	0	1	5	7
8	Jabatan Mineral & Geosains	0	27	9	3	4	43
9	Jabatan Perikanan	0	0	0	1	1	2
10	Unit Perancang Ekonomi Negeri	1	0	0	0	3	4
11	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	0	0	1	0	0	1
12	FELCRA	0	0	0	0	1	1
13	Pejabat Daerah	1	1	0	0	2	4
14	Jawatankuasa Kerja Keselamatan Daerah	0	0	0	0	1	1
15	Badan Kawal Selia Air Negeri Johor (BAKAJ)	1	0	0	0	0	1
Jumlah		10	37	38	38	49	172

Sumber: Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi Dan Pejabat Tanah Daerah Mersing

- d. Temu bual antara pihak Audit dan Penolong Pegawai Tanah di PTKT dan PTM mendapati punca kelewatan siasatan dan penyediaan laporan tanah adalah disebabkan bebanan kerja Penolong Pegawai Tanah. Tugas seorang Penolong Pegawai Tanah meliputi sebuah mukim setiap seorang dan perlu menyediakan laporan tanah untuk urusan seperti ubah syarat, permohonan lesen pendudukan sementara, pembaharuan permit dan lain-lain. Penolong Pegawai Tanah juga ditugaskan untuk membuat rondaan dan penguatkuasaan bagi pemindahan bahan batuan setiap dua hari dalam seminggu. Kesannya, pemberimilikan tanah lewat diselesaikan dan bilangan tunggakan permohonan meningkat.
- e. Semakan Audit juga telah dibuat terhadap penyediaan kertas perakuan yang dihantar ke PTG untuk diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) mendapati hanya 1 draf perakuan daripada PTM yang disediakan dalam masa 14 hari. Selebihnya, sebanyak 28 draf perakuan disediakan dalam tempoh 1 bulan hingga 19 bulan. Di PTKT pula, draf perakuan disediakan dalam tempoh 21 hari hingga 53 bulan. Terdapat juga kes kelewatan MMK memberi kelulusan atas pelbagai sebab seperti memerlukan maklumat tambahan dan sebagainya.
- f. **Berdasarkan maklum balas PTM bertarikh 12 April 2015, tunggakan permohonan yang banyak menyebabkan fail-fail semasa tidak dapat diproses dalam tempoh yang ditetapkan. Jabatan Teknikal mempunyai keutamaan dalam kerja mereka sendiri menyebabkan ulasan tidak dapat diberikan dalam tempoh yang ditetapkan. Oleh itu, usaha sedang dijalankan bagi mengatur lawatan bersama Jabatan Teknikal untuk mempercepatkan penerimaan laporan daripada Jabatan Teknikal. Manakala, maklum balas PTKT bertarikh 15 April 2015 memaklumkan selain daripada bebanan kerja Penolong Pegawai Tanah, antara faktor lain kelewatan siasatan dan laporan tanah adalah borang Jadual 1 yang diisi**

oleh pemohon tidak lengkap dan pemohon tidak dapat dihubungi untuk melengkapkan permohonan. Seterusnya, kelewatan penyediaan draf perakuan adalah disebabkan proses penyediaan dan semakan yang meliputi banyak peringkat.

Pada pendapat Audit, prestasi penyelesaian permohonan pemberimilikan tanah adalah rendah berbanding bilangan permohonan yang diterima bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014.

2.4.2. Kutipan Hasil Tanah

2.4.2.1. Notis Borang 5A Lewat Dikeluarkan

- a. Mengikut KTN 81(1), bayaran hendaklah dituntut seperti dinyatakan dalam Borang 5A apabila kelulusan telah diberikan. Manakala Seksyen 81(2) KTN pula menghendaki Pentadbir Tanah hendaklah secepat mungkin mencadangkan sejumlah wang untuk dibayar oleh pemohon yang diluluskan pemberimilikan melalui Borang 5A. Notis Borang 5A adalah bayaran tuntutan mengikut kadar yang telah ditetapkan meliputi cukai bagi tahun pertama, premium, bayaran pendaftaran tanah/tanda sempadan, penyediaan dan pendaftaran suratan Hak Milik Sementara serta suratan Hak Milik Kekal. Pemohon hendaklah membayar jumlah wang mengikut tempoh yang dinyatakan dalam notis Borang 5A.
- b. Semakan Audit terhadap fail kelulusan mendapati tempoh masa yang diambil oleh PTKT bagi mengeluarkan notis Borang 5A dari tarikh tindakan terakhir adalah di antara 9 hari hingga 421 hari manakala PTM adalah di antara 10 hari hingga 139 hari seperti di **Jadual 2.6**.

Jadual 2.6
Tempoh Masa Mengeluarkan Notis Borang 5A

Peringkat Proses	Bilangan Notis Borang 5A Mengikut Tempoh Masa (Hari)						Jumlah Notis 5A	
	<7		7-30		>30		KT	M
	KT	M	KT	M	KT	M		
Notis Borang 5A	-	-	7	30	26	7	33	37

Sumber: Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi Dan Pejabat Tanah Daerah Mersing

Catatan: KT = Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi M = Pejabat Tanah Daerah Mersing

2.4.2.2. Notis Borang 5A Telah Tamat Tempoh

- a. Mengikut Peraturan Tanah Johor Pindaan 2004 Perkara 8, bayaran notis 5A boleh dilanjutkan tidak melebihi 3 bulan atas sebab tertentu dengan syarat permohonan untuk mendapatkan lanjutan itu dibuat sebelum tarikh akhir notis 5A (3 bulan pertama). Pentadbir Tanah boleh meluluskan semula tanah-tanah yang mana notis 5A telah luput jika permohonan dibuat oleh pemohon dalam tempoh 6 bulan dari tarikh luput sambungan. Manakala, mengikut Pekeliling Bil. 1 Tahun 2005 Perenggan 2, bayaran premium secara ansuran hanya boleh dipertimbangkan sekiranya

permohonan rasmi dibuat oleh pemohon sebelum luput tempoh 3 bulan dari tarikh notis 5A diterima oleh pemohon.

- b. Semakan Audit terhadap 70 fail mendapati urusan pembayaran Notis 5A adalah baik kerana mengikut tempoh yang ditetapkan kecuali sebuah syarikat yang tidak membayar Notis 5A dan telah menduduki tanah tanpa bayaran. Butiran lanjut adalah seperti di perenggan di bawah.
- i. Syarikat pada asalnya telah beroperasi di atas tanah seluas 0.570 hektar di PTD 281, Mukim Ulu Sungai Sedili Besar, Kota Tinggi menggunakan kelulusan Lesen Pendudukan Sementara sehingga tahun 2008. Pada bulan Oktober 2008, Majlis Mesyuarat Kerajaan telah meluluskan permohonan tanah kepada syarikat tersebut bagi tujuan industri membuat kayu bergergaji. Notis 5A telah dikeluarkan kepada syarikat pada bulan Januari 2009 dan jumlah yang perlu dijelaskan bagi bayaran cukai tahun pertama, premium, premium tambahan, bayaran ukur, tanda sempadan, pelan dan pendaftaran suratan hak milik berjumlah RM136,710.
 - ii. Semakan selanjutnya mendapati syarikat telah membuat permohonan untuk pengurangan bayaran premium tanah sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2009 dan 2010 tetapi kedua-dua permohonan telah ditolak. Surat makluman penolakan pengurangan bayaran premium kepada syarikat telah dihantar oleh PTKT pada bulan Februari 2010 dan syarikat perlu menjelaskan jumlah premium seperti dalam notis 5A yang dikeluarkan pada 23 Januari 2009. Pada bulan Januari 2014, syarikat telah membuat permohonan untuk membayar premium tanah secara ansuran iaitu selepas Notis 5A tamat tempoh. Lawatan Audit ke atas tanah pada 11 Januari 2015 mendapati terdapat sebuah bangunan kekal iaitu bangunan pejabat dan 5 buah bangunan jenis sementara iaitu rumah pekerja, bangsal dan 3 buah stor seperti di **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2**. Ini menunjukkan syarikat beroperasi di atas tanah secara tidak sah kerana Notis 5A telah tamat tempoh.

Gambar 2.1
Tanah Telah Diusahakan Dengan Industri
Membuat Kayu Bergergaji Walaupun
Pembayaran Notis 5A Belum Dibuat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sg. Sedili
Tarikh: 11 Januari 2015

Gambar 2.2
Tanah Telah Diusahakan Dengan Bangunan
Pejabat Walaupun Pembayaran Notis 5A
Belum Dibuat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sg. Sedili
Tarikh: 11 Januari 2015

- iii. Berdasarkan maklum balas bertarikh 15 April 2015, PTKT akan menyediakan kertas perakuan yang baru kepada Kerajaan Negeri kerana Notis 5A yang dikeluarkan pada tahun 2009 tidak dijelaskan dengan sempurna dan kelulusan pemberimilikan tanah telah melebihi 5 tahun.

2.4.2.3. Kelewatan Proses Pajakan Tanah Yang Diberi Milik Kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan

- a. Mulai tahun 2008 Kerajaan Negeri telah menetapkan tanah-tanah berkeluasan besar akan diberi milik atau dirizabkan kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan (SSI) bagi tujuan pengawalan dan pemantauan serta memastikan kejayaan program yang dirancang atas tanah tersebut. Kerajaan akan memperoleh pulangan melalui pajakan mengikut Seksyen 63 dan Seksyen 221 Kanun Tanah Negara kepada syarikat yang berminat.
- b. Semakan Audit di PTKT mendapati tanah PTD 4915 seluas 43.78 hektar telah diluluskan kepada SSI pada 21 Mei 2014 dan Notis 5A telah dikeluarkan pada 15 September 2014 berjumlah RM36,858 kepada SSI. Pada 28 Januari 2015, MMK telah meluluskan pajakan kepada pemohon asal (syarikat) bernilai RM1 juta. Syarikat dikehendaki membayar dalam tempoh 3 bulan dari surat tawaran bertarikh 16 Februari 2015 dan membayar Notis 5A bagi pihak SSI. Sehingga 15 Mac 2015, syarikat masih belum menjelaskan kedua-dua bayaran tersebut. Lawatan Audit bersama Penolong Pegawai Tanah mendapati tanah tersebut sedang diusahakan oleh pemohon asal dengan ternakan lembu dan terdapat tanaman kelapa sawit serta tanaman kontan seperti **Gambar 2.3** dan **Gambar 2.4**. Berdasarkan maklum balas bertarikh 12 April 2015, SSI memaklumkan pemohon telah mengemukakan rayuan penangguhan selama 2 bulan untuk membayar wang pajakan bernilai RM1 juta. Jika pemohon tidak dapat membayar Notis 5A dan wang pajakan, kelulusan untuk pajakan tanah tersebut terbatal dan SSI akan membuka permohonan pajakan kepada pihak lain untuk dimajukan.

Gambar 2.3
Tanaman Kelapa Sawit Yang Berusia
Lebih Kurang 7 Tahun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Pantai Timur, Pengerang
Tarikh: 2 November 2014

Gambar 2.4
Tanaman Kontan Diusahakan Oleh
Pemohon Asal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Pantai Timur, Pengerang
Tarikh: 2 November 2014

2.4.3. Tanah Kerajaan Diusahakan Dan Diduduki Sebelum Diberi Milik

2.4.3.1. Seksyen 425(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 menyatakan adalah menjadi kesalahan bagi mana-mana orang tanpa kebenaran yang sah untuk membersihkan, membajak, menggali, membuka atau bercucuk tanam di atas tanah Kerajaan Negeri, tanah rizab atau tanah perlombongan. Denda sebanyak RM10,000 atau penjara tidak melebihi setahun atau kedua-dua sekali boleh dikenakan terhadap penceroboh.

2.4.3.2. Semakan Audit terhadap laporan tanah oleh Penolong Pegawai Tanah bagi permohonan tanah di Daerah Kota Tinggi dan Mersing mendapati seramai 112 orang pemohon telah menduduki dan mengusahakan tanah terlebih dahulu sebelum permohonan dibuat melibatkan keluasan 590.05 hektar. Kawasan permohonan telah diusahakan dengan tanaman pokok kelapa sawit berusia di antara 2 hingga 15 tahun dan tanaman kontan. Terdapat pemohon yang memelihara ternakan seperti lembu dan kambing serta mendirikan rumah kediaman di tanah yang dipohon.

2.4.3.3. Semakan lanjut mendapati seramai 33 orang pemohon telah menduduki dan mengusahakan tanah di Kota Tinggi dan seramai 79 orang pemohon di Mersing. Kawasan yang diduduki dan diusahakan adalah di antara 0.414 hingga 339.49 hektar bagi setiap pemohon. Daripada jumlah tersebut, 26 permohonan pemberimilikan tanah tidak diluluskan kepada pemohon manakala permohonan yang lain sedang diproses. Di Mukim Padang Endau Mersing, seluas 339.49 hektar tanah ditanam dengan tanaman kontan oleh sebuah pertubuhan pertanian dan permohonan pemberimilikan tanah telah dibuat pada tahun 2012 tetapi belum diluluskan. Pendudukan tanah sebelum kelulusan adalah merugikan Kerajaan Negeri dari segi kutipan cukai dan premium tanah dan ketiadaan penguatkuasaan undang-undang boleh mempengaruhi pihak lain untuk melakukan kegiatan pencerobohan. Tanah milik Kerajaan Negeri yang diusahakan sebelum kelulusan adalah seperti **Gambar 2.5** hingga **Gambar 2.7**.

Gambar 2.5
Rumah Kediaman Didirikan Sebelum Kelulusan Pemberimilikan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Desa Baru Nitar, Mersing
Tarikh: 13 November 2014

Gambar 2.6



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Desa Baru Nitar, Mersing
Tarikh: 13 November 2014



Gambar 2.7
Tanaman Kontan Diusahakan Sebelum
Kelulusan Pemberimilikan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Desa Baru Nitar, Mersing
Tarikh: 13 November 2014

2.4.3.4. Berdasarkan maklum balas bertarikh 12 April 2015 dan 15 April 2015, PTKT memaklumkan tindakan siasatan dan penguatkuasaan sukar dilaksanakan disebabkan beban kerja sedia ada Penolong Pegawai Tanah dan tiada unit penguatkuasaan ditubuhkan di peringkat Pejabat Tanah Daerah. Buat masa ini pejabat berhubung dengan pemimpin masyarakat setempat dalam memberikan maklumat pencerobohan tanah Kerajaan lebih-lebih lagi bagi kawasan pedalaman dan sempadan daerah.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dilaksanakan di peringkat PTKT dan PTM adalah kurang memuaskan kerana terdapat tanah Kerajaan Negeri telah diduduki sebelum diberi milik.

2.4.4. Pengurusan Tanah Industri KEJORA

Kerajaan Negeri telah meluluskan tanah seluas 300,364 hektar di kawasan Tenggara Negeri Johor kepada KEJORA untuk dibangunkan pada tahun 1972. Kelulusan tanah dibuat mengikut peringkat pembangunan Tenggara Negeri Johor yang dipersetujui oleh Kerajaan Negeri. Pembangunan tanah yang diluluskan kepada KEJORA adalah untuk tujuan pertanian, perindustrian, perumahan, pelancongan dan ternakan air. Tanah yang diuruskan oleh KEJORA boleh dijual, dipajak dan digadai oleh KEJORA kepada sesiapa yang difikirkan patut selepas mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri. Bagi membangunkan lot industri di Bandar Tenggara dan Bandar Penawar, pihak KEJORA telah menawarkan lot industri kepada syarikat dengan menandatangani perjanjian jual beli di antara KEJORA dengan syarikat dan menetapkan beberapa syarat dalam perjanjian jual beli. Semakan Audit mendapati terdapat beberapa kelemahan pengurusan perjanjian jual beli yang diuruskan oleh KEJORA seperti perenggan di bawah.

2.4.4.1. Perjanjian Jual Beli Dibuat Antara KEJORA Dan Syarikat Swasta Di Atas Tanah Kerajaan Negeri Yang Masih Belum Ditukar Hak Milik KEJORA

- a. Mengikut Seksyen 42(1)(a), Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri diberi kuasa untuk memberi milik tanah Kerajaan mengikut peruntukan Seksyen 76 KTN. Selepas kelulusan pemberimilikan tanah, notis 5A hendaklah dijelaskan supaya hak

milik tanah itu didaftarkan atas nama badan atau orang perseorangan yang telah diberi kelulusan dan berkuat kuasa dari tarikh hak milik itu didaftarkan.

- b. Semakan Audit mendapati KEJORA telah menandatangani perjanjian jual beli bersama 42 syarikat swasta yang melibatkan 59 lot tanah Kerajaan Negeri seluas 52.89 hektar. Perjanjian jual beli telah ditandatangani di antara tahun 1989 hingga 2010. KEJORA telah menandatangani perjanjian jual beli dengan syarikat swasta tanpa membuat pendaftaran tanah atas nama KEJORA terlebih dahulu. Semakan selanjutnya mendapati PBN pada tahun 1997 hingga 2009 telah meluluskan sebanyak 19 lot tanah diberi milik kepada KEJORA dan membenarkan KEJORA menjual atau memindah milik tanah kepada syarikat. Bagaimanapun sehingga tarikh pengauditan pada bulan Disember 2014, proses pendaftaran tanah tersebut ke atas nama KEJORA masih belum selesai.
- c. **Berdasarkan maklum balas KEJORA bertarikh 12 April 2015 dan 19 April 2015, perjanjian jual beli di antara KEJORA dengan syarikat adalah berdasarkan kebenaran pembangunan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 1979. Kaedah yang dilaksanakan adalah bagi menarik pelabur untuk membina kilang di kawasan KEJORA yang tidak strategik serta serba kekurangan dengan infrastruktur pada waktu itu. Pendaftaran tanah tidak dibuat ke atas nama KEJORA terlebih dahulu walaupun telah mendapat kelulusan daripada PTG disebabkan perpindahan kerja kakitangan KEJORA sewaktu cadangan pembubaran KEJORA antara tahun 1996 hingga 2002. KEJORA akan menubuhkan Jawatankuasa *Task Force* Tanah Industri KEJORA bagi menyelesaikan isu pendaftaran tanah.**
- d. Semakan Audit terhadap laporan perjanjian jual beli bagi tanah Kerajaan Negeri mendapati 24 syarikat telah membayar 10% daripada harga jualan berjumlah RM410,726 bagi 31 lot tanah seluas 24.10 hektar dan 6 syarikat telah membuat bayaran kemajuan 75% bagi 9 lot tanah seluas 4.09 hektar berjumlah RM272,937. Manakala, 12 syarikat telah membuat bayaran kemajuan 100% bagi 19 lot tanah seluas 24.70 hektar berjumlah RM1,887,868. **Jadual 2.7** adalah pembayaran kemajuan yang telah dijelaskan oleh pembeli mengikut bilangan syarikat dan lot bagi tanah milik Kerajaan Negeri.

Jadual 2.7
Bayaran Kemajuan Kepada KEJORA Oleh Syarikat Bagi Tanah Kerajaan Negeri

Kawasan	Bayaran Kemajuan Yang Telah Dijelaskan Oleh Syarikat								
	Bayaran Kemajuan 10%			Bayaran Kemajuan 75%			Bayaran Kemajuan 100%		
	Bil. Syarikat	Bil. Lot	Luas (hektar)	Bil. Syarikat	Bil. Lot	Luas (hektar)	Bil. Syarikat	Bil. Lot	Luas (hektar)
Bandar Tenggara Fasa 1	2	2	0.78	1	1	0.40	1	1	7.30
Bandar Tenggara Fasa 2	13	17	16.70	2	3	1.83	5	12	5.76
Bandar Penawar Fasa 1	4	4	3.97	-	-	-	2	2	5.54
Bandar Penawar Fasa 2	5	8	2.65	3	5	1.86	4	4	6.10
Jumlah	24	31	24.10	6	9	4.09	12	19	24.70
Jumlah Bayaran Keseluruhan	RM410,726			RM272,937			RM1,887,868		

Sumber: KEJORA

- e. Semakan Audit terhadap senarai lot industri yang mempunyai perjanjian jual beli atas tanah Kerajaan Negeri mendapati sebanyak 20 syarikat telah beroperasi. Manakala 22 syarikat tidak menjalankan apa-apa aktiviti di atas tanah. **Gambar 2.8** hingga **Gambar 2.15** adalah berkaitan.

Gambar 2.8
Kilang Yang Beroperasi Di Atas Tanah Kerajaan Negeri Setelah Membuat Bayaran 100% Kepada KEJORA



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot PTB811, Bandar Penawar Fasa 1
Tarikh: 9 Disember 2014

Gambar 2.9
Kilang Yang Beroperasi Di Atas Tanah Kerajaan Negeri Setelah Membuat Bayaran 10% Kepada KEJORA



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot PTB267, Bandar Tenggara Fasa 1
Tarikh: 9 Disember 2014

Gambar 2.10
Kilang Yang Beroperasi Di Atas Tanah Kerajaan Negeri
Setelah Membuat Bayaran 10% Kepada KEJORA



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Lot PTB818, Bandar Penawar Fasa 1
 Tarikh: 9 Disember 2014

Gambar 2.11



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Lot PTB815, Bandar Tenggara Fasa 1
 Tarikh: 9 Disember 2014

Gambar 2.12
Kilang Yang Didirikan Di Atas Tanah Kerajaan Negeri




Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Lot PTB1481, Bandar Penawar Fasa 2
 Tarikh: 9 Disember 2014

Gambar 2.13



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Lot PTB1479, Bandar Penawar Fasa 2
 Tarikh: 9 Disember 2014

Gambar 2.14
Kilang Yang Didirikan Di Atas Tanah
Kerajaan Negeri



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Lot PTB1509, Bandar Penawar Fasa 2
 Tarikh: 9 Disember 2014

Gambar 2.15
Tanah Yang Tidak Dibangunkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Lot PTB1473, Bandar Penawar Fasa 2
 Tarikh: 8 Disember 2014

- f. Berdasarkan maklum balas KEJORA bertarikh 19 April 2015, pendaftaran pindah milik ke atas nama pembeli hanya akan didaftarkan setelah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri serta pengusaha membangunkan tanah dan kilang beroperasi. Tujuan tersebut adalah bagi mengelakkan pembeli yang cenderung untuk menjual tanah industri bagi mendapat keuntungan. Bagi pelabur-pelabur yang gagal untuk membangunkan tanah dan tidak beroperasi pihak KEJORA akan mengeluarkan notis peringatan sebanyak 3 kali dan sekiranya masih berterusan, perjanjian jual beli akan dibatalkan dan bayaran 10% akan dirampas atau sebahagiannya dikembalikan.
- g. Kesan daripada tiada hak milik yang sah telah mengakibatkan 5 lot tanah seluas 3.26 hektar yang tidak didaftarkan walaupun telah mempunyai perjanjian dengan syarikat tidak diluluskan pemberimilikan tanah kepada syarikat tetapi telah diluluskan kepada SSI oleh Kerajaan Negeri. Empat daripada lot tanah tersebut telah mempunyai kilang dan beroperasi manakala satu lot belum dibangunkan. Perjanjian jual beli di atas tanah Kerajaan Negeri yang belum diberi milik dan didaftarkan atas nama KEJORA menyebabkan perjanjian di antara KEJORA dan syarikat menjadi tidak sah dan syarikat boleh mengambil tindakan undang-undang kepada KEJORA. Selain itu, Kerajaan Negeri juga tidak dapat mengutip cukai bagi tanah yang telah dibangunkan tetapi tidak didaftarkan. Lot tanah yang terlibat adalah seperti di **Jadual 2.8**. Kilang yang beroperasi di atas lot tanah yang telah diluluskan kepada SSI adalah seperti di **Gambar 2.16** dan **Gambar 2.17**. Manakala, **Gambar 2.18** adalah lot tanah yang tidak dibangunkan dan diluluskan kepada SSI.

Jadual 2.8
Lot Tanah Yang Mempunyai Perjanjian Dengan KEJORA
Diluluskan Pemberimilikan Kepada SSI

Kawasan	Lot PTB	Luas (Hektar)	Tarikh lulus kepada SSI	Status Pembangunan
Bandar Tenggara Fasa II	1269	0.64	2/7/2014	Beroperasi
	1270	0.64	25/6/2014	Beroperasi
	5008	1.50	25/6/2014	Tidak Dibangunkan
Bandar Penawar Fasa II	1502	0.48	11/11/2014	Beroperasi
	1503			Beroperasi

Sumber: KEJORA

Gambar 2.16
Kilang Plastik Yang Beroperasi Di Atas Tanah Milik SSI



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 1270, Bandar Tenggara Fasa 2
Tarikh: 8 Disember 2014

Gambar 2.17



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 1270, Bandar Tenggara Fasa 2
Tarikh: 8 Disember 2014



Gambar 2.18
Lot Tanah Yang Tidak Dibangunkan Dan Diluluskan Kepada SSI

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 5008, Bandar Tenggara Fasa 2
Tarikh: 8 Disember 2014

- h. **Berdasarkan maklum balas KEJORA bertarikh 12 April 2015, bagi tanah-tanah yang mempunyai perjanjian dengan KEJORA dan diluluskan pemberimilikan kepada SSI, pihak KEJORA telah mengadakan 2 kali perbincangan bersama pihak SSI dan mencadangkan agar tanah-tanah tersebut dikurniakan semula kepada KEJORA supaya KEJORA boleh meneruskan perjanjian dan memindah milik tanah tersebut kepada pembeli. Kertas kerja perakuan semula tanah kepada KEJORA sedang disediakan untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri.**

2.4.4.2. Pembangunan Kawasan Pelancongan Di Atas Tanah Kerajaan Negeri Sebelum Kelulusan Lesen Pendudukan Sementara (LPS)

- a. Semakan Audit mendapati KEJORA telah meluluskan pembangunan 6 lot tanah di kawasan pentadbiran KEJORA seluas 3.431 hektar di Tanjung Balau, Mukim Pantai Timur Kota Tinggi. Berdasarkan semakan fail, KEJORA telah membuat permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) pada tahun 2008, bagaimanapun tiada bukti kelulusan LPS bagi permohonan tersebut. Pada tahun 2013, KEJORA telah membuat permohonan semula dan sehingga Disember 2014 kertas perakuan kelulusan LPS masih belum dibuat oleh Pejabat Tanah Kecil Daerah Pengerang ke PTG kerana masih belum mendapat ulasan daripada Jabatan Pengairan Dan Saliran. Lawatan Audit pada bulan Disember 2014 mendapati kawasan tersebut telah dibangunkan

oleh KEJORA dan diuruskan oleh Kejora Development Holding Sdn. Bhd. bagi tujuan pelancongan dengan bangunan kekal iaitu kolam renang, gerai makan, chalet, dewan dan surau walaupun Lesen Pendudukan Sementara belum diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Butiran tanah dan pembangunan adalah seperti di **Jadual 2.9** dan **Gambar 2.19** hingga **Gambar 2.24**.

Jadual 2.9
Pembangunan Di Tanah Milik Kerajaan

Bil.	No. Tanah (PTD)	Keluasan (Hektar)	Kegunaan	Gambar
1	4977	0.741	Kolam Renang	2.19
2	4978	0.176	Gerai Makan	2.20
3	4979	0.576	Jeti	2.21
4	4980	1.047	Chalet	2.22
5	4981	0.602	Dewan	2.23
6	4982	0.289	Surau	2.24
Jumlah		3.431		

Sumber: KEJORA

Gambar 2.19
Kolam Renang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanjung Balau, Kota Tinggi
Tarikh: 9 Disember 2014

Gambar 2.20
Gerai Makan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanjung Balau, Kota Tinggi
Tarikh: 9 Disember 2014

Gambar 2.21
Jeti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanjung Balau, Kota Tinggi
Tarikh: 9 Disember 2014

Gambar 2.22
Chalet



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanjung Balau, Kota Tinggi
Tarikh: 9 Disember 2014

Gambar 2.23
Dewan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanjung Balau, Kota Tinggi
Tarikh: 9 Disember 2014

Gambar 2.24
Surau



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanjung Balau, Kota Tinggi
Tarikh: 9 Disember 2014

- b. **Berdasarkan maklum balas bertariikh 12 April 2015 dan 19 April 2015, KEJORA memaklumkan pembangunan tanah tersebut sebagai kawasan pelancongan adalah berdasarkan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah KEJORA bagi menggalakkan pembangunan di kawasan sekitar.**

Pada pendapat Audit, pengurusan pemberimilikan tanah industri di bawah pengurusan KEJORA adalah kurang memuaskan tetapi boleh dipertingkatkan lagi agar selaras dengan Kanun Tanah Negara dan perjanjian yang ditandatangani.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan pemberimilikan tanah dapat dilaksanakan dengan berkesan, adalah disyorkan Pejabat Tanah Daerah dan KEJORA mengambil tindakan penambahbaikan dengan memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

2.5.1. Pejabat Tanah Daerah perlu mematuhi tempoh masa dalam proses pemberimilikan tanah dan menjalankan penguatkuasaan terhadap pencerobohan tanah Kerajaan.

2.5.2. Pejabat Tanah Daerah mengatur lawatan ke tapak bersama dengan wakil daripada Jabatan Teknikal untuk mendapatkan pandangan atau ulasan supaya proses permohonan pemberimilikan dapat disegerakan.

2.5.3. KEJORA perlu memastikan permohonan hak milik daripada Kerajaan Negeri dibuat sebelum perjanjian jual beli lot industri dan pembangunan tanah dilaksanakan.

YAYASAN PELAJARAN JOHOR

3. PENGURUSAN PINJAMAN PELAJARAN DI YAYASAN PELAJARAN JOHOR

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) ialah sebuah perbadanan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Johor melalui Enakmen No. 8, Tahun 1982 berperanan sebagai peneraju pembangunan sosial dalam bidang pelajaran dan pendidikan. Objektif penubuhan YPJ adalah:

- Menaja secara aktif dan memberi peluang mendapatkan pelajaran untuk rakyat Johor khasnya dan Malaysia amnya.
- Memberi atau menguruskan pemberian pinjaman atau bantuan kewangan oleh badan-badan lain kepada rakyat.
- Meluaskan peluang dalam bidang pelajaran bagi rakyat di dalam mana-mana pusat pengajian tinggi di serata dunia.

3.1.2. Misi YPJ adalah untuk memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan dalam urusan Pemberian Pinjaman dan Biasiswa, Bayaran Balik Pinjaman dan Program Kecemerlangan Pelajaran. Mulai tahun 2012, YPJ menggunakan Sistem Pengurusan Program Dan Pinjaman Bersepadu YPJ (PROLIMS) bagi mengurus dan memantau pinjaman pelajaran yang telah dibayar kepada pelajar. Pada masa kini, YPJ menguruskan pinjaman kepada pelajar yang menuntut di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Kolej Kumpulan Pendidikan YPJ (KPYPJ), Institut Pengajian Tinggi Islam (MARSAH) dan institusi-institusi di 7 buah negara luar.

3.1.3. YPJ telah memperuntukkan sejumlah RM47.98 juta bagi tempoh 2012 hingga 2014 dalam belanjawan tahunan untuk tujuan pembiayaan pinjaman pelajaran. Sepanjang tempoh 1979 hingga 2014, YPJ telah memberi pinjaman pelajaran kepada 25,950 orang pelajar yang mengikuti pengajian di dalam dan luar negara dengan kos pembiayaan sejumlah RM188.93 juta. Bagi tahun 2012 hingga 2014, seramai 3,121 orang pelajar baru telah menerima pinjaman pelajaran dengan kos pembiayaan sejumlah RM42.99 juta. Maklumat peruntukan dan pemberian pinjaman pelajaran bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Maklumat Peruntukan Diluluskan Dan Bilangan Pelajar Yang Menerima Pinjaman Pelajaran
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Bilangan Pelajar Sedia Ada Menerima Pinjaman (Orang)	Bilangan Pelajar Baru Menerima Pinjaman (Orang)	Jumlah Pelajar Yang Menerima Pinjaman (Orang)	Jumlah Pinjaman Pelajaran Dibayar (RM Juta)
2012	14.51	1,850	1,346	3,196	13.24
2013	16.77	2,108	841	2,949	13.83
2014	16.70	2,365	934	3,299	15.92
Jumlah	47.98		3,121		42.99

Sumber: Yayasan Pelajaran Johor

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan pinjaman pelajaran dijalankan mengikut prosedur yang sedang berkuat kuasa dan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berasaskan data, rekod, fail dan dokumen berhubung dengan pinjaman pelajaran. Dokumen yang disemak adalah seperti minit mesyuarat, bajet, laporan tahunan, baucar bayaran, fail surat-menyurat dan lain-lain. Perbincangan dan temu bual telah diadakan dengan pegawai YPJ bagi mendapatkan maklumat lengkap mengenai pengurusan pinjaman pelajaran. Analisis adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada semakan sampel fail peminjam. Sebanyak 350 fail peminjam yang menerima pinjaman dan fail peminjam yang mula membuat bayaran balik dalam tahun 2012 hingga 2014 telah disemak. Analisis kepuasan pelanggan juga telah dibuat berdasarkan 100 soal selidik yang diedarkan kepada peminjam melalui kaunter bayaran dan secara *e-mail*. *Exit Conference* bersama Pengurus Besar dan pegawai-pegawai kanan YPJ telah diadakan pada 28 Januari 2015.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang telah dijalankan mulai bulan April hingga Jun 2014 mendapati pada keseluruhannya Pengurusan Pinjaman Pelajaran di YPJ adalah baik dari segi pengurusan pembiayaan dan pembayaran kepada peminjam. Bagaimanapun beberapa kelemahan dikenal pasti untuk diberi perhatian selanjutnya seperti berikut:

- Prestasi pembiayaan pinjaman baru tidak mencapai sasaran.
- Jumlah bayaran balik pinjaman rendah berbanding tunggakan pinjaman dan jumlah tunggakan pinjaman pelajaran semakin meningkat.
- Syarat perjanjian pinjaman tidak dipatuhi sepenuhnya dan tindakan undang-undang lewat dikenakan.

- Sistem PROLIMS yang digunakan dalam pengurusan pinjaman tidak dapat menjana maklumat terkini jumlah tunggakan yang diperlukan dalam pengurusan pinjaman.

3.4.1. Prestasi Pengurusan Pinjaman Pelajaran

3.4.1.1. Prestasi Pembiayaan Pinjaman Baru Tidak Mencapai Sasaran

- YPJ telah menetapkan sasaran untuk menaja pelajar di kalangan rakyat Negeri Johor dan Malaysia amnya pada tahap 80% daripada peruntukan yang diluluskan dan meluaskan peluang pelajaran ke luar negara pada kadar 90% daripada peruntukan yang diluluskan. Bagi tempoh 2012 hingga 2014, sejumlah RM47.98 juta telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah YPJ bagi membiayai pinjaman pelajaran. Butiran lanjut peruntukan diluluskan dan pemberian pinjaman pada tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Peruntukan Pinjaman Diluluskan Dan Pemberian Pinjaman Pelajaran
Pada Tahun 2012 hingga 2014

Tahun	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)		Bilangan Pelajar Menerima Pinjaman (Orang)	Jumlah Pembiayaan Pinjaman Pelajaran (RM Juta)		Pencapaian (%)	
	Keseluruhan	Pinjaman Baru		Keseluruhan	Pinjaman Baru	Keseluruhan	Pinjaman Baru
2012	14.51	4.62	3,196	13.24	3.67	91.2	79.4
2013	16.77	4.14	2,949	13.83	2.22	82.5	53.6
2014	16.70	3.94	3,299	15.92	3.40	95.3	86.3
Jumlah	47.98	12.70		42.99	9.29	89.6	73.1

Sumber: Yayasan Pelajaran Johor

- Berdasarkan **Jadual 3.2** di atas, secara purata pemberian pinjaman pelajaran keseluruhan tahun 2012 hingga 2014 mencapai sasaran sebanyak 89.6% daripada peruntukan yang diluluskan. Bagaimanapun, pembiayaan pinjaman pelajaran kepada pelajar baru pada tahun 2012 hingga 2014 secara purata hanya 73.1% daripada peruntukan yang disediakan iaitu sebanyak 79.4% pada tahun 2012, 53.6% pada tahun 2013 dan tahun 2014 sebanyak 86.3% daripada peruntukan yang disediakan.
- Pada tahun 2013, YPJ telah mengurangkan jumlah pembiayaan kepada peminjam baru sebanyak 39.5% atau RM1.45 juta berbanding pembiayaan pinjaman tahun 2012 disebabkan YPJ mengalami masalah kewangan. Ini disebabkan dana yang sepatutnya diterima daripada YPJ Holdings Sdn. Bhd. tidak diperolehi dalam tempoh yang sepatutnya dan YPJ telah mengambil keputusan menangguhkan proses permohonan pinjaman bagi tempoh bulan Ogos hingga Disember 2013.
- Pengurangan pembiayaan baru tahun 2013 menyebabkan bilangan pelajar yang menerima pinjaman menurun dan peratus pembiayaan keseluruhan tahun 2013 menurun berbanding tahun 2012. Bagaimanapun, YPJ dapat mencapai sasaran secara keseluruhan pada akhir tahun 2013 iaitu 82.5% daripada jumlah peruntukan pinjaman pelajaran telah diluluskan. Ini disebabkan bilangan peminjam sedia ada

masih ramai dan kadar pinjaman pelajaran yang ditawarkan oleh YPJ adalah relevan dan berpatutan bagi menampung yuran dan kos sara hidup pelajar. Selain itu, insentif rebat, penangguhan bayaran balik dengan alasan dan kadar caj perkhidmatan yang rendah juga menarik pelajar mengambil pinjaman pelajaran YPJ. YPJ juga telah membuka permohonan pinjaman secara atas talian dan ini menggalakkan dan memudahkan proses permohonan pinjaman oleh pelajar.

- e. **Mengikut maklum balas YPJ pada 28 Januari 2015, pembiayaan kepada pelajar baru tahun 2013 telah dikurangkan disebabkan sumbangan dana yang daripada Syarikat Subsidiari tidak diterima mengikut masa yang sepatutnya dan YPJ tidak menerima sumbangan dari sumber lain. Bagaimanapun, pembiayaan yang ditangguhkan telah diproses setelah YPJ mendapat dana tersebut.**

Pada pendapat Audit, YPJ telah menggunakan lebih daripada 80% peruntukan keseluruhan yang diluluskan bagi membiayai pinjaman bagaimanapun pembiayaan pinjaman baru tidak mencapai sasaran.

3.4.2. Prestasi Kutipan Bayaran Balik Pinjaman

3.4.2.1. Prestasi Kutipan Bayaran Balik Pinjaman Rendah Berbanding Tunggakan Pinjaman

- a. YPJ telah menetapkan anggaran pendapatan yang diterima daripada bayaran balik pinjaman pelajaran berjumlah RM19.86 juta bagi tahun 2012 hingga 2014. Jumlah tersebut telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah YPJ dalam bajet tahunan yang dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah.
- b. Semakan Audit mendapati YPJ dapat mengutip bayaran balik pinjaman pelajaran melebihi sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2012 hingga 2014 bagaimanapun trend peratus pencapaiannya adalah menurun. YPJ telah berjaya mengutip RM21.63 juta bagi tahun 2012 hingga 2014 atau 108.9% berbanding sasaran yang ditetapkan. Jumlah kutipan bayaran balik yang diterima tidak termasuk pemberian rebat pinjaman yang diberi kepada peminjam yang berjumlah RM4.30 juta bagi tahun 2012 hingga 2014. Maklumat lanjut mengenai sasaran dan kutipan sebenar bayaran balik pinjaman adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Anggaran Sasaran Kutipan Diluluskan Dan Kutipan Bayaran Balik Pinjaman Pelajaran Pada Tahun 2012 hingga 2014

Tahun	Sasaran Kutipan Diluluskan (RM Juta)	Jumlah Bayaran Balik Diterima		Pencapaian (%)
		Terimaan (RM Juta)	Rebat (RM Juta)	
2012	6.00	6.79	1.13	113.2
2013	6.60	7.08	1.52	107.3
2014	7.26	7.76	1.65	106.7
Jumlah	19.86	21.63	4.30	108.9

Sumber: Yayasan Pelajaran Johor

- c. YPJ berjaya meningkatkan kutipan bayaran balik pinjaman tahun 2013 dan 2014 berbanding bayaran balik yang diterima pada tahun 2012 disebabkan tindakan YPJ mengeluarkan surat peringatan yang lebih konsisten bagi meningkatkan tahap kesedaran peminjam membuat bayaran balik pinjaman. Selain itu, penyusunan semula dan pembahagian kerja oleh kakitangan di Unit Penguatkuasaan YPJ bagi memantau peminjam secara menyeluruh. Bagi peminjam yang telah menerima surat guaman, peminjam telah membayar pinjaman mengikut penjadualan semula dan kutipan bayaran balik hasil daripada kes perundangan berjumlah RM2.33 juta pada tahun 2012 dan RM2.87 juta pada tahun 2013 manakala pada tahun 2014 adalah sejumlah RM3.40 juta.
- d. Semakan lanjut Audit mendapati walaupun jumlah pendapatan daripada bayaran balik pinjaman telah melebihi jumlah yang disasarkan dalam belanjawan tahunan bagi tahun 2012 hingga 2014 dengan purata sebanyak 108.9%, jumlah pendapatan yang disasarkan adalah rendah iaitu kurang daripada 40% daripada jumlah tunggakan pinjaman pelajaran pada awal tahun. Maklumat pencapaian kutipan bayaran balik berbanding sasaran dan peratus kutipan bayaran balik pinjaman berbanding tunggakan pada awal tahun bagi tahun 2012 hingga 2014 seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Maklumat Pencapaian Kutipan Bayaran Balik Pinjaman Berbanding Anggaran
Dan Peratus Kutipan Bayaran Balik Berbanding Tunggakan Pinjaman Pada Awal Tahun
Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Jumlah Tunggakan Pinjaman Pelajaran Pada Awal Tahun (RM Juta) (a)	Anggaran Bayaran Balik Pinjaman Pelajaran (RM Juta) (b)	Jumlah Bayaran Balik Pinjaman Pelajaran (RM Juta) (c)	Peratus Kutipan Balik Pinjaman Berbanding Anggaran (%) (d)=(c)/(b)x100	Peratus Anggaran Bayaran Balik Berbanding Tunggakan Awal Tahun (%) (e)=(b)/(a)x100
2012	16.63	6.00	6.79	113.2	36.0
2013	17.42	6.60	7.08	107.3	37.9
2014	18.83	7.26	7.76	106.9	38.6
Jumlah		19.86	21.63	108.9	

Sumber: Yayasan Pelajaran Johor

- e. Pihak Audit mendapati anggaran tahunan kutipan bayaran balik pinjaman yang rendah kerana YPJ pernah mencapai kutipan bayaran balik tertinggi sehingga RM5.11 juta pada tahun 2010. YPJ menyasarkan kutipan bayaran balik pinjaman sejumlah RM6 juta pada tahun 2011 sebagai percubaan bagi melihat keberkesanan sistem PROLIMS yang dibangunkan. Anggaran sasaran kutipan pinjaman dibuat tanpa mengambil kira jumlah tunggakan keseluruhan pinjaman disebabkan YPJ telah memperuntukkan tunggakan bagi peminjam yang gagal membayar balik melebihi 10 tahun sebagai hutang ragu. Peruntukan hutang ragu yang telah diluluskan sehingga 31 Disember 2012 sejumlah RM3.18 juta dan sehingga 31 Disember 2013 sejumlah RM3.17 juta. YPJ telah memperuntukkan sejumlah RM2.88 juta sebagai hutang ragu pada 31 Disember 2014.

- f. Mengikut maklum balas YPJ pada 28 Januari 2015, faktor luaran yang tidak dapat dikawal YPJ seperti peminjam yang tidak memberi maklum balas telah mengekang YPJ menetapkan sasaran berdasarkan jumlah tunggakan. Bagaimanapun, YPJ komited melaksanakan tindakan mengutip bayaran balik pinjaman pelajaran dan pelbagai usaha sedang dilakukan.

3.4.2.2. Jumlah Tunggakan Pinjaman Pelajaran Semakin Meningkat

- a. Jumlah tunggakan pinjaman pelajaran yang tinggi dan semakin meningkat setiap tahun menunjukkan prestasi pengurusan tuntutan bayaran balik pinjaman kurang memuaskan. Semakan Audit mendapati jumlah tunggakan pinjaman pelajaran YPJ adalah tinggi dan jumlah tersebut semakin meningkat setiap tahun. Maklumat jumlah tunggakan dan bilangan peminjam yang terlibat adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Jumlah Tunggakan Pinjaman Pelajaran Dan Bilangan Peminjam Yang Terlibat Pada Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Jumlah Pinjaman (RM Juta)	Bilangan Peminjam Terlibat (Orang)	Tunggakan Pinjaman (RM Juta)
2012	44.16	4,727	17.42
2013	52.14	5,227	18.83
2014	55.31	6,598	21.27

Sumber: Yayasan Pelajaran Johor

- b. Berdasarkan **Jadual 3.5**, seramai 4,727 orang peminjam masih mempunyai tunggakan pinjaman pelajaran sejumlah RM17.42 juta pada 31 Disember 2012 dan meningkat menjadi seramai 5,227 orang peminjam dengan tunggakan sejumlah RM18.83 juta pada 31 Disember 2013. Jumlah tunggakan pinjaman semakin meningkat kepada sejumlah RM21.27 juta oleh seramai 6,598 orang peminjam pada 31 Disember 2014.
- c. Semakan Audit terhadap 100 fail sampel peminjam pinjaman pelajaran YPJ yang sedang dalam tindakan membayar balik pinjaman pada tahun 2012 hingga 2014 mendapati seramai 6 orang peminjam telah membuat pembayaran balik pinjaman mengikut jadual ditetapkan, seramai 79 orang peminjam menjelaskan bayaran balik tetapi tidak mengikut jadual dan 15 orang peminjam tidak menjelaskan langsung pinjaman. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Maklumat Semakan Fail Peminjam Yang Sepatutnya Mula Membayar Balik Pada Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Bilangan Fail Disemak	Bayaran Balik Mengikut Jadual (Orang)	Bayaran Balik Tidak Mengikut Jadual (Orang)	Tidak Menjelaskan Bayaran Balik Langsung (Orang)
2012	24	0	21	3
2013	27	0	25	2
2014	49	6	33	10
Jumlah	100	6	79	15

Sumber: Yayasan Pelajaran Johor

- d. Jumlah bilangan pelajar yang mendapat pinjaman meningkat setiap tahun dan kegagalan mereka membuat bayaran balik merupakan faktor utama jumlah tunggakan pinjaman semakin meningkat. Bagi tempoh 2012 hingga 2014, seramai 2,777 orang peminjam telah menamatkan pengajian mempunyai baki pinjaman berjumlah RM33.21 juta. Selain itu, faktor luaran yang tidak dapat dikawal oleh YPJ seperti masalah pengangguran, masalah kewangan dan kesedaran peminjam sendiri. Semakan Audit mendapati YPJ tidak menghantar surat makluman atau pemberitahuan awal kepada peminjam supaya peka mengenai tuntutan bayaran balik pinjaman yang perlu dibayar selepas 6 bulan selepas tamat pengajian. Tindakan tuntutan bayaran balik tidak dilaksanakan sebaik sahaja peminjam menamatkan pengajian di mana berlaku kelewatan mengeluarkan surat tuntutan pertama iaitu selepas 6 bulan peminjam menamatkan pengajian. Ketiadaan maklumat terkini peminjam bagi memudahkan pengesanan setelah tamat pengajian juga menyebabkan jumlah tunggakan ini semakin meningkat. Pihak YPJ juga menghadapi kesukaran mendapatkan maklumat terkini peminjam daripada agensi kerajaan seperti KWSP, LDHN dan Jabatan Imigresen menyebabkan usaha mengesan peminjam semakin sukar. Mulai tahun 2014, Lembaga Pengarah YPJ telah meluluskan untuk menyenaraihitamkan peminjam tegar yang tidak membayar balik pinjaman.
- e. **Mengikut maklum balas YPJ pada 28 Januari 2015, peningkatan jumlah peminjam yang tidak membayar adalah di luar kawalan YPJ iaitu bilangan peminjam yang bertambah setiap tahun dan kesedaran di kalangan peminjam sendiri. Bagaimanapun, YPJ sentiasa berusaha menambah baik Sistem PROLIMS bagi meningkatkan keupayaan dan memudahkan pemantauan bayaran balik pinjaman.**

Pada pendapat Audit, YPJ telah dapat mencapai sasaran kutipan bayaran balik pinjaman yang ditetapkan. Bagaimanapun, pencapaian kutipan bayaran balik masih rendah berbanding tunggakan sebenar dan jumlah tunggakan pinjaman semakin meningkat setiap tahun.

3.4.3. Tindakan Penguatkuasaan Kurang Berkesan

3.4.3.1. Syarat Perjanjian Tidak Dipatuhi Sepenuhnya

- a. Mengikut perjanjian, peminjam hendaklah mengemukakan salinan keputusan peperiksaan bersama maklumat terkini sebelum pembayaran pinjaman disambung dan membenarkan YPJ membuat potongan gaji daripada majikan peminjam. Semakan Audit mendapati 2 syarat penting dalam perjanjian YPJ bagi tujuan mengawal keberadaan peminjam dan memastikan bayaran balik pinjaman boleh diperolehi semula tidak dikuatkuasakan. Daripada 100 sampel fail peminjam yang disemak didapati 71 fail peminjam tidak mengandungi salinan keputusan peperiksaan, 86 fail peminjam tidak mengandungi maklumat terkini peminjam dan hanya 7 orang peminjam membuat bayaran balik pinjaman secara pempotongan gaji.

- b. Pembayaran pinjaman tetap dibuat oleh YPJ kepada peminjam pada setiap sesi pengajian walaupun peminjam gagal mengemukakan maklumat terkini dan salinan keputusan peperiksaan sebagaimana yang ditetapkan. Di samping itu bagi mereka yang telah tamat pengajian dan telah bekerja surat tuntutan bayaran balik pinjaman dihantar kepada peminjam tanpa dirujuk kepada majikan disebabkan ketiadaan maklumat terkini majikan peminjam.
- c. Kesan daripada kegagalan menguatkuasakan syarat perjanjian, proses tuntutan bayaran balik pinjaman dan pemotongan gaji melalui majikan sukar dijalankan kerana ketiadaan maklumat terkini. Selain itu, bilangan peminjam yang gagal membuat bayaran balik bertambah menyebabkan jumlah tunggakan pinjaman pelajaran semakin meningkat setiap tahun. Bilangan peminjam yang gagal dikesan juga semakin meningkat dan lebih menyukarkan tindakan guaman tidak dapat dilaksanakan kerana maklumat terkini peminjam tidak diperolehi.
- d. **Mengikut maklum balas YPJ pada 28 Januari 2015, mulai November 2014 YPJ telah mengedarkan salinan borang maklumat kemas kini alamat majikan bersama surat peringatan yang dihantar kepada peminjam. Kebenaran daripada peminjam dan majikan diperlukan bagi membolehkan proses pemotongan gaji diambil. Bagi fail yang tidak dikemas kini dengan salinan peperiksaan, tindakan mengemas kini telah diambil.**

3.4.3.2. Tindakan Undang-Undang Lewat Dikenakan

- a. Mengikut Prosedur Tuntutan Bayaran Balik Pinjaman YPJ, arahan notis tuntutan dihantar kepada peminjam melalui panel peguam sekiranya peminjam tidak memberi maklum balas bayaran balik pinjaman selepas 4 bulan dari surat tuntutan tunggakan dikeluarkan. Jika masih tiada maklum balas selepas tempoh 14 hari, tindakan saman dan penghakiman ingkar akan dilakukan.
- b. Semakan Audit terhadap senarai fail peminjam dalam tindakan penguatkuasaan mendapati *Notice of Demand* (NOD) lewat dikeluarkan. Sebanyak 48 NOD atau 41.7% daripada 115 fail peminjam yang dikeluarkan NOD bagi tempoh Januari 2013 hingga April 2014 dikeluarkan selepas tempoh 5 bulan dari tarikh transaksi terakhir luput. Tempoh kelewatan adalah antara 1 hingga 10 bulan. Semakan Audit juga mendapati peminjam akan menjelaskan tunggakan pinjaman setelah menerima NOD daripada peguam. Maklumat bilangan NOD dan saman yang dikeluarkan oleh Panel Peguam YPJ, jumlah kutipan bayaran balik pinjaman yang diperolehi melalui tindakan guaman dan kos peguam yang dibayar adalah seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7
Bilangan NOD Dan Saman Yang Dikeluarkan Oleh Panel Peguam YPJ Dan Kutipan Bayaran Balik Pinjaman Bagi Tahun 2012 Hingga 2014

Tahun	Bilangan NOD Dikeluarkan Oleh Peguam	Bilangan Saman Dikeluarkan	Jumlah Tunggakan Dikutip (RM Juta)	Kos Peguam Yang Dibayar (RM Juta)
2012	622	310	2.33	0.08
2013	979	62	2.87	0.15
2014	1,272	748	3.39	0.35
Jumlah	2,873	1,120	8.59	0.58

Sumber: Yayasan Pelajaran Johor

- c. Berdasarkan **Jadual 3.7**, sebanyak 2,873 NOD dan 1,120 saman telah dikeluarkan oleh panel peguam bagi tempoh 2012 hingga 2014. Sepanjang tempoh tersebut, YPJ berjaya mengutip bayaran balik pinjaman sejumlah RM8.59 juta melalui kes perundangan dan kos guaman yang telah dibayar kepada 3 buah syarikat panel peguam adalah sejumlah RM0.58 juta.
- d. Kelewatan NOD dikeluarkan disebabkan YPJ lewat menghantar maklumat peminjam untuk tindakan guaman iaitu mengambil masa antara 2 hingga 10 bulan dari tarikh surat terakhir luput. Ini disebabkan semakan fail peminjam perlu dilakukan dengan terperinci selain daripada memastikan semua surat pemantauan telah dikeluarkan dan mengambil kira permohonan daripada peminjam untuk menyelesaikan tunggakan. Selain itu, kekangan bilangan kakitangan yang melaksanakan tugas menjadikan tempoh setiap semakan diambil mengambil masa yang lama dan gangguan talian *internet* yang perlahan juga melambatkan proses semakan. Semakan Audit mendapati peguam yang dilantik mengambil masa antara 1 hingga 5 bulan dari tarikh tindakan guaman dihantar bagi mengeluarkan NOD kepada peminjam.
- e. **Mengikut maklum balas YPJ pada 28 Januari 2015, keupayaan internet telah dipertingkatkan bagi mempercepatkan proses pengesahan maklumat melalui Sistem PROLIMS. Jumlah NOD yang dihantarkan juga dapat ditingkatkan dan mulai tahun 2015, YPJ telah melantik 2 lagi panel peguam lain bagi urusan pengeluaran NOD.**

Pada pendapat Audit, YPJ telah mengambil tindakan penguatkuasaan bagi memastikan syarat perjanjian dipatuhi dan peminjam membayar balik pinjaman bagaimanapun terdapat peminjam masih tidak menghantar maklumat terkini majikan dan NOD lewat dihantar kepada peminjam.

3.4.4. Sistem Pengurusan Program Dan Pinjaman Bersepadu YPJ (PROLIMS)

Sistem PROLIMS digunakan untuk merekodkan, memproses, menjana maklumat pinjaman bagi membantu Bahagian Bantuan Pendidikan, Bahagian Kewangan dan Unit Penguatkuasaan melaksanakan pengurusan pinjaman pelajaran dengan cekap dan berkesan. YPJ telah membangunkan sistem PROLIMS pada tahun 2011 dan mula

digunakan sepenuhnya mulai tahun 2012 dengan kos sejumlah RM0.29 juta. Bagi tempoh 2014 hingga 2016, syarikat kontraktor yang membina sistem bertanggungjawab memberi perkhidmatan penyenggaraan sistem dengan kos sejumlah RM0.13 juta.

3.4.4.1. Laporan Tunggakan Pinjaman Tidak Dapat Dijana Oleh Sistem PROLIMS

- a. Mengikut Dokumentasi Teknikal Sistem, laporan dan statistik yang dijana berdasarkan data dalam sistem boleh dikeluarkan secara Laporan Harian, Laporan Mingguan, Laporan Bulanan dan Laporan Tahunan.
- b. Semakan Audit mendapati laporan tunggakan pinjaman pelajaran sehingga tarikh tertentu mengikut tahun kurniaan dapat dijana daripada sistem mulai bulan Mei 2014. Bagaimanapun laporan ini mengandungi jumlah keseluruhan tunggakan peminjam termasuk mereka yang tidak mempunyai pinjaman tertunggak. Bagi mendapatkan jumlah keseluruhan tunggakan, penggabungan maklumat secara manual mengikut tahun kurniaan perlu dilakukan. Keadaan ini disebabkan keperluan untuk menjana laporan keseluruhan pinjaman tidak diambil kira dalam skop kerja semasa pembangunan sistem dibuat dan syarikat pembekal tidak bersedia menambah baik sistem tersebut dalam tempoh penyenggaraan kerana melibatkan kos tambahan. Kelemahan sistem juga disebabkan tidak ada perancangan teliti sebelum pembangunan sistem dibuat dengan mengkaji sistem yang telah digunakan oleh agensi lain bagi memastikan keperluan YPJ dalam memantapkan pengurusan pinjaman dapat dicapai.
- c. **Mengikut maklum balas YPJ pada 28 Januari 2015, perbincangan bagi menambah baik keupayaan sistem dengan pihak pembekal sedang dilakukan memandangkan masih dalam tempoh penyenggaraan sehingga 2016.**

3.4.4.2. Maklumat Sistem PROLIMS Tidak Selari Dengan Sistem Perakaunan

- a. Maklumat yang dijana daripada sesuatu sistem adalah dianggap tepat sekiranya dapat diperolehi dengan mudah, cepat dan kemas kini. Maklumat juga boleh dipadankan dengan maklumat daripada sistem lain yang bersesuaian bagi memastikan ketepatannya.
- b. Semakan Audit mendapati Sistem PROLIMS dan Sistem Perakaunan YPJ tidak selari dan menyebabkan maklumat laporan yang dijana daripada Sistem PROLIMS tidak sama dengan maklumat yang dijana daripada Sistem Perakaunan. Antara perbezaan nyata adalah jumlah pinjaman pelajaran yang telah dibayar kepada peminjam. Mengikut pemerhatian Audit terhadap Pengauditan Penyata Kewangan YPJ bagi tahun berakhir 2011 hingga 2013, terdapat perbezaan jumlah pinjaman pelajaran yang dilaporkan oleh Sistem PROLIMS dan sistem Perakaunan. Maklumat jumlah pinjaman pelajaran sehingga 31 Disember 2014 mengikut sistem Perakaunan tidak dapat dikemukakan. Butiran maklumat adalah seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8
Perbezaan Jumlah Pinjaman Pelajaran YPJ Pada 31 Disember 2011 Hingga 2014
Antara Sistem PROLIMS Dengan Sistem Perakaunan

Tahun	Maklumat Daripada		Perbezaan (RM Juta)
	Sistem PROLIMS (RM Juta)	Sistem Perakaunan (RM Juta)	
2011	73.84	73.69	0.15
2012	79.65	79.49	0.16
2013	87.83	87.49	0.34
2014	94.56	TM	-

Sumber: Yayasan Pelajaran Johor

Nota: TM – Tiada Maklumat

- c. Perbezaan ini disebabkan data pembayaran pinjaman dan bil guaman yang dikeluarkan atau dibatalkan kepada pelajar dikemas kini secara manual dalam Sistem PROLIMS. Selain itu, maklumat pembayaran balik pinjaman diterima telah diambil kira dalam Sistem PROLIMS tetapi perlu dikemas kini secara manual oleh Bahagian Kewangan dalam Sistem Perakaunan. Pembangunan sistem PROLIMS yang masih dalam proses penambahbaikan menyebabkan peminjam yang tegar sukar dikesan.
- d. **Mengikut maklum balas YPJ pada 28 Januari 2015, proses sebut harga sedang dijalankan bagi melantik pembekal untuk membangunkan Sistem Kewangan Bersepadu yang boleh berhubung dengan Sistem PROLIMS dan berkongsi data pada masa akan datang.**

3.4.4.3. Maklumat Sistem PROLIMS Tidak Berpadanan

- a. Sistem PROLIMS dibangunkan dengan tujuan memastikan pemantauan terhadap pengurusan pinjaman pelajaran dapat dilaksanakan dengan mudah dan pantas termasuk tindakan penguatkuasaan.
- b. Semakan Audit terhadap laporan pinjaman pelajar yang baru ditaja di IPTA/IPTS dalam dan luar negara pada tahun 2012 hingga 2014 yang dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah YPJ mendapati jumlah pelajar baru yang ditaja setiap tahun adalah berbeza dengan jumlah yang terdapat dalam sistem PROLIMS. Butiran perbezaan adalah seperti di **Jadual 3.9**.

Jadual 3.9
Perbezaan Maklumat Bilangan Penajaan Pelajar Baru Antara Laporan Bahagian Bantuan Pendidikan Dengan Sistem PROLIMS Pada Tahun 2012 hingga 2014

Tahun	Laporan Dibentangkan Dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah (Orang)	Laporan Peminjam Daripada Sistem PROLIMS (Orang)	Perbezaan
2012	1,061	1,346	(285)
2013	479	841	(362)
2014	436	934	(498)
Jumlah	1,976	3,121	(1,145)

Sumber: Yayasan Pelajaran Johor

- c. Berdasarkan **Jadual 3.9**, Bahagian Bantuan Pendidikan merekodkan seramai 1,976 orang peminjam baru bagi tahun 2012 hingga 2014. Bagaimanapun, sistem PROLIMS merekodkan jumlah peminjam bagi tempoh yang sama adalah seramai 3,121 orang iaitu perbezaan seramai 1,145 orang peminjam. Perbezaan maklumat jumlah pelajar yang menerima pinjaman antara sistem PROLIMS dan Bahagian Bantuan Pendidikan menunjukkan maklumat sistem PROLIMS boleh menimbulkan keraguan.
- d. Selain itu, peminjam dan pemohon pinjaman tidak diberi kemudahan membuat capaian kepada sistem PROLIMS bagi mengetahui status pinjaman dan maklumat lain berkaitan pinjaman. Operasi dan capaian kepada sistem PROLIMS melalui talian *internet* sering terganggu disebabkan kapasiti *internet* yang tidak sepadan dengan penggunaannya. Capaian kepada Sistem PROLIMS tidak dapat diakses oleh peminjam disebabkan skop tersebut tidak disediakan semasa pembangunan sistem dibuat. Kesannya, capaian maklumat yang diperlukan dengan segera tidak dapat diperoleh dan sering terganggu menyebabkan masa yang lebih lama diperlukan bagi menyemak dan menjana laporan daripada sistem tersebut. Selain itu, peminjam perlu datang sendiri ke pejabat YPJ bagi mendapatkan maklumat berkaitan status pinjaman dan baki pinjaman. Keadaan ini menyukarkan peminjam yang berada di luar Johor Bahru kerana melibatkan kos dan masa.
- e. **Mengikut maklum balas YPJ pada 28 Januari 2015, perbezaan jumlah pelajar disebabkan Sistem PROLIMS tidak dapat menjana laporan mengikut tarikh tertentu. Selain itu, YPJ dan pihak pembekal sistem telah bersetuju untuk menambah baik laporan yang dijana dan memberi kemudahan kepada pemohon pinjaman membuat capaian sistem bagi mengetahui status permohonan tanpa melibatkan struktur data asas (*database*) mulai 12 Oktober 2014. Bagi mengatasi masalah gangguan talian *internet*, YPJ telah menyediakan *broadband wifi* kepada bahagian yang terlibat dan sedang berusaha membuat pemasangan khas dengan kerjasama pihak Telekom Malaysia.**

Pada pendapat Audit, pembangunan Sistem PROLIMS dapat membantu YPJ untuk merekodkan, memproses, menjana maklumat pinjaman dengan lebih cepat. Bagaimanapun, perbezaan maklumat yang dijana khususnya berhubung tunggakan yang tidak dapat dijana secara keseluruhan, laporan tidak selari dengan Sistem Perakaunan dan tidak berpadanan dengan maklumat dalam fail peminjam serta tidak dapat diakses oleh peminjam mengekang keberkesanan sistem ini.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan kecekapan pengurusan pinjaman pelajaran di Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) adalah disyorkan YPJ mengambil tindakan seperti berikut:

3.5.1. YPJ perlu mengambil tindakan proaktif mengesan peminjam bagi memungut tunggakan pinjaman dengan mendapatkan maklumat terkini peminjam melalui *Central Credit Information System* (CCRIS) dan lain-lain agensi kerajaan yang berkaitan.

3.5.2. YPJ perlu menambah baik Sistem PROLIMS bagi memastikan maklumat adalah tepat dan boleh diakses oleh peminjam supaya peminjam dapat mengetahui status terkini pinjaman masing-masing.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam Pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjejaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

**Putrajaya
3 Mei 2015**